

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Kandungan	Muka Surat
PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	4
PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH	4
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 1 – Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)	5
Soalan No. 2 – Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	7
Soalan No. 3 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)	9
Soalan No. 4 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	13
Soalan No. 5 – Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)	16
Soalan No. 7– Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee)	19
PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	21
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Bacaan Doa.

Setiausaha Dewan:

Pengumuman oleh YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, empat (4) bekas Ahli Dewan Undangan Negeri telah meninggal dunia iaitu mendiang Mthusamy @ Muthu a/l Vaiyapury Gowender telah meninggal dunia pada 21 Mei 2016. Mendiang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Perai mulai 27 Julai 1991 hingga 5 April 1995.

Allahyarham Dato' Haji Zakaria bin Bakar telah meninggal dunia pada 18 Jun 2016. Allahyarham telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Ara Rendang mulai 3 Ogos 1988 hingga 30 April 1995.

Allahyarham Haji Ibrahim bin Yaakob telah meninggal dunia pada 3 Oktober 2016. Allahyarham telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Acheh mulai 21 Oktober 1990 sehingga 30 April 1995, dan

Allahyarham Abdul Razak bin Ismail telah meninggal dunia pada 2 November 2016. Allahyarham telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Penaga mulai 3 Ogos 1986 hingga 4 Oktober 1990. Oleh yang demikian, para hadirin saya pohon untuk bertafakur selama 1 minit dan saya minta hadirin berdiri.

Terima kasih. Hadirin sekalian diminta duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini, 15 November 2016 sebagai hari permulaan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas melalui pengisytiharan bertarikh 21 September 2016 yang telah diwartakan pada 29 September 2016. Pada sesi ini, kita akan menimbangankan 76 soalan lisan, 634 soalan bertulis, 2 Rang Undang-Undang dan 1 usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa YB. Ahli Kawasan Bayan Lepas tidak dapat hadir sepanjang sesi mesyuarat ini memandangkan beliau sedang bercuti sakit.

Setiausaha Dewan:

Pembentangan Risalah-Risalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan, Risalah Bilangan 3 hingga 16 tahun 2016 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

Setiausaha Dewan:

Soalan soalan. Soalan bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan bertulis yang diletakkan di atas meja Ahli yang bertanya selaras dengan Subperaturan 15(1)(h) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan pertama. Dipersilakan YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya ialah soalan 1(a) dan (b).

- No. 1. (a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam perbalahan yang sedang berlaku di antara Persatuan Pemandu Teksi Pulau Pinang dan pemandu-pemandu teksi Uber?
- (b) Bagaimana Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu Persatuan Pemandu Teksi Pulau Pinang dalam masalah yang dihadapi mereka ketika ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan dari Ahli Kawasan Seri Delima, Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk *regulate* perkhidmatan awam darat seperti perkhidmatan teksi mahupun Uber di Negeri Pulau Pinang. Agensi yang bertanggungjawab ke atas semua kategori pengangkutan awam darat di Malaysia adalah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri amat prihatin akan cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh pemandu teksi di Negeri Pulau Pinang dan sehubungan itu, bagi membantu meringankan beban pengusaha teksi, Kerajaan Negeri komited dalam memberi bantuan kewangan berupa insentif sebanyak RM600 sejak tahun 2008 kepada setiap pemandu teksi yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya terpanggil untuk tanya soalan ini kerana dewasa ini kita lihat masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh negara makin meruncing sehingga menyebabkan banyak teksi-teksi yang telah pun diambil dan disewa, diserahkan balik ataupun diletakkan di kawasan-kawasan lapang. Saya ingin bertanyakan soalan tambahan, kalau perkara ini tidak diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan, di mana ada juga tohmahan-tohmahan bahawa permit-permit teksi ini dimonopoli oleh orang-orang tertentu, kenamaan yang mempunyai jawatan-jawatan tertinggi seperti menteri-menteri di dalam Kerajaan Barisan Nasional. Saya ingin tanya kepada Kerajaan Negeri kalau satu *standard operating procedure* atau jawatankuasa dapat ditubuhkan dengan segera untuk memberi perhatian khusus kepada masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi di Pulau Pinang selain daripada memberi bantuan kewangan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka terutamanya masalah dan beban kewangan yang dihadapi oleh mereka yang masing-masing mempunyai keluarga, masing-masing mempunyai anak-anak yang masih di bangku sekolah, dapat diberi perhatian dan di mana masalah itu dapat diagihkan atau disalurkan kepada wakil-wakil rakyat di kawasan-kawasan tertentu supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dapat diberi perhatian yang lebih terperinci. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Seri Delima atas soalan tambahan. Untuk makluman Dewan ini, saya rasa isu berhubung dengan pemantauan atau *regulation* tentang perkhidmatan teksi yang mendapat saingan hebat dari Uber dan lain-lain jenis perkhidmatan teksi yang menggunakan teknologi adalah satu gejala di mana ekonomi lama telah disaini hebat oleh ekonomi yang baru di mana dalam perkara ini, pengusaha-pengusaha Uber ini telah menggunakan aplikasi teknologi bagi membawa satu ruang dan kesempatan untuk menawarkan perkhidmatan teksi kepada pengguna-pengguna yang sememangnya mendapat sambutan oleh pengguna-pengguna perkhidmatan teksi bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang tetapi saya percaya di banyak negara atau di seluruh dunia memandangkan penggunaan perkhidmatan melalui aplikasi teknologi ini dapat digunakan oleh pengguna-pengguna yang menggunakan aplikasi teknologi bersama pengusaha perkhidmatan teksi serupa ini yang merupakan satu *departure* daripada apa yang kita nikmati selama ini di bawah satu peraturan di mana pemandu perlu mendapat permit, perlu mendapat pemeriksaan kereta mereka dan perlu mengikut segala peraturan yang ditetapkan oleh SPAD berbanding dengan pengusaha yang menggunakan teknologi baru ini.

Bukan sahaja dalam perkhidmatan ini saya percaya ada persaingan, tapi di banyak sektor ekonomi, kita mula merasakan persaingan dari digital ekonomi akan menjejaskan pengusaha-pengusaha yang berada dalam ekonomi yang lama itu. Saya percaya perkara ini perlu ditangani dengan baik oleh SPAD untuk mengambil kira bahawa pengusaha teksi yang perlu diberi lesen oleh SPAD, perlu mengikut segala syarat-syarat yang ditetapkan oleh SPAD manakala pengusaha-pengusaha yang menggunakan teknologi baru ini tidak diletakkan di bawah regim regulasi yang ditetapkan oleh SPAD. Jadi isu yang sebenarnya sekarang perlu di tangani oleh SPAD adalah, kalaulah Uber atau lain-lain jenis teknologi baru dibenarkan dalam perkhidmatan pengangkutan awam termasuk teksi, bagaimana mengawal pengusaha-pengusaha ini. Itulah cabaran yang besar dan kalaulah membenarkan ini, apakah pengusaha yang menggunakan kaedah yang lama akan dijejaskan mata pencarian mereka?

Saya percaya pengusaha teksi pun sedar tentang cabaran dan persaingan itu dan mereka pun mahu menggunakan satu aplikasi sendiri. Ini menunjukkan bahawa apabila teknologi begitu berkesan, maka pengusaha-pengusaha dalam ekonomi lama perlu juga menyahut cabaran dan lihat bagaimana mereka perlu menyesuaikan diri dalam operasi supaya teknologi baru ini boleh menambahbaik perkhidmatan mereka dan bukan menjejaskan mata pencarian mereka. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Padang Kota. Pulau Pinang ini adalah satu Negeri Pelancongan. Ramai pelancong datang ke Pulau Pinang ini. Saya nak tahu bagaimanakah peranan ataupun apakah tindakan perancangan pihak Kerajaan Tempatan bagi memastikan yang pelancong yang datang ke Pulau Pinang ini tidak pulang ke Negeri masing-masing dengan perasaan negatif kerana berlakunya perkara yang tidak diingini oleh pemandu Grab dan sebagainya. Apa cadangan Kerajaan Negeri? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang tak sempat disebutkan isu yang berhubung dengan pengusaha teksi yang kemungkinan yang tidak menggunakan meter untuk tambang. Itulah satu masalah yang timbul apabila pengusaha teksi tidak menggunakan meter untuk mengira tambang. Itulah bezanya dengan aplikasi teknologi baru ini di mana sebelum naik teksi ataupun kereta yang dipandu oleh pengusaha Uber, kadar sudah pun ditetapkan dan pengguna boleh pilih untuk terima ataupun merasakan tidak terima dan rata-rata kadar yang dipungut oleh pengusaha Uber ini adalah jauh lebih murah berbanding dengan perkhidmatan teksi dan itulah sebab mengapa ianya dapat sambutan yang hebat daripada pengguna-pengguna... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak *rephrase* soalan saya sebenarnya. Saya bertanya *because* teksi mereka ada peraturan, tetapi Grab Teksi *anybody can become the driver*, so apa kata perkara berlaku tidak diingini di antara Grab pemandu Uber ataupun Grab ini dengan pelancong, ini? Bagaimana kita mengawalnya? Sebagai Negeri Pelancongan kita hendaklah menjaga persepsi pelancong di Negeri Pulau Pinang ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Setakat ini saya rasa, saya sangka Yang Berhormat nak sentuh tentang aduan terhadap pengusaha teksi yang memang menjadi isu apabila mereka tidak menggunakan meter untuk mengira tambang ataupun menyewa dengan satu *lump sum*. Kalau pelancong mahu melawat beberapa tempat destinasi pelancongan, itulah tambang yang perlu dibayar. Jadi setakat ini kita masih belum terima isu berhubung dengan aduan pelancong yang ada aduan terhadap penggunaan Uber atau Grab Teksi sebab memang ada kelebihan berbanding dengan teksi yang sedia ada.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

YB. Dato' Yang di Pertua. Soalan saya soalan kedua.

- No 2. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggubal enakmen bagi mengehadkan atau menghalang syarikat atau warga asing daripada membeli hartanah warisan pra-perangan di Tapak Warisan Dunia George Town?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Soalan saya ialah Soalan 2 iaitu, "Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggubal enakmen bagi menhadkan atau menghalang syarikat atau warga asing daripada membeli hartanah warisan *pro* peperangan di Tapak Warisan Dunia George Town."

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri di peringkat ini tidak ada hasrat untuk menggubal enakmen atau mewujudkan undang-undang bagi menhadkan atau menghalang syarikat warga asing dari membeli hartana warisan Pra peperangan di Tapak Warisan Dunia George Town. Namun demikian Kerajaan Negeri sedang berusaha melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan beberapa agensi termasuk George Town World Heritage Incorporated Penang, Penang Institute dan agensi lain untuk mengkaji kemungkinan bagi menyediakan dan mewujudkan semula enakmen penyelarasan sewa, *rent regulation enactment* di Tapak Warisan Dunia George Town. Kajian ini membolehkan Kerajaan Negeri mengumpul maklumat terkini antaranya berkenaan taburan pemilikan hartanah Warisan George Town mengikut warganegara dan hasil kajian ini akan dijangka dapat membantu Kerajaan Negeri menganalisa keadaan terkini pembelian hartanah di Tapak Warisan seterusnya mengambil langkah-langkah yang paling berkesan dan bersesuaian.

Cadangan penggubalan enakmen ini telah diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri telah menugaskan YB. Pengerusi Jawatankuasa Pengerusi MMK Perancangan Bandar dan Desa, dan Perumahan dan juga YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir untuk masing-masing meneliti aspek perundangan dan mengadakan perbincangan bersama dengan pihak berkepentingan ataupun *stake holders* yang berkenaan.

Dari segi aspek perundangan Dato' Speaker, penggubalan enakmen tersebut sememangnya boleh diteruskan dan keputusan akan dibuat sama ada penggubalan enakmen tersebut perlu atau tidak selepas kajian kemungkinan penyediaan enakmen penyelarasan sewa disiapkan. Berhubung dengan cadangan YB. KOMTAR berkenaan penggubalan enakmen bagi menhadkan terus atau menghalang pembelian hartanah warisan peperangan oleh syarikat warga asing ke atas Tapak Warisan Dunia George Town, Dato' Speaker terdapat sekatan di mana pemilik hartanah tersebut mempunyai hak untuk menjual hartanah tersebut dan cadangan tersebut adalah mungkin bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Sekian.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Soalan tambahan. Terima kasih kepada YB. Datok Keramat. Mengapa saya tanya soalan begini kerana kita asyik dihentam atau dimarah oleh Pembangkang kerana kita membiarkan saja *property-property* di dalam Tapak Warisan Dunia ini dibeli oleh syarikat-syarikat asing ini dengan harga yang lebih tinggi daripada pasaran dan sekarang saya dapat tahu ini adalah kerana Akta Kanun Tanah Negara kita

tidak dapat membuat demikian. Oleh itu bolehkah saya cadangkan pihak Kerajaan Negeri melalui agensi berbincang dengan Kerajaan Pusat untuk mengubah akta tersebut? Jika tidak, satu lagi cadangan dibuat. Soalan saya, bolehkah Kerajaan Negeri kerana kita dapat tahu sekarang Kerajaan Negeri juga menghadkan warga asing untuk memiliki *property* di Pulau Pinang, RM1.0 juta ke bawah untuk strata warga asing tidak boleh beli dan RM2.0 juta ke bawah, *landed property* tidak boleh dibeli. Bolehkah saya cadangkan di Tapak Warisan Dunia RM200 juta *property yang* ke bawah tidak boleh dibeli. Ini juga bermaksud kita tidak...(gangguan), RM200 juta. Saya cadangkan RM200 juta, so oleh itu mereka tak boleh beli. Kita tak payah tukar akta pun. Ini adalah dalam bidang kuasa kami. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker. Terima kasih YB. KOMTAR. Berkenaan had syiling harga yang telah disentuh oleh YB. KOMTAR, sememangnya di peringkat ini Kerajaan Negeri ada beberapa langkah penyejukan harga pasaran hartanah begitu panas di kawasan-kawasan bandar terutamanya di George Town di mana di bahagian Pulau kita telah kenalkan satu had syiling pembelian terhadap warga asing iaitu RM2.0 juta untuk harga harta di atas tanah dan RM1.0 juta untuk apartment dan di bahagian Seberang RM1.0 juta untuk harga di atas tanah dan RM500,000 untuk harta berstrata. Ini perlu dibuat memandangkan keutamaannya di satu tahun tempoh satu tahun baru-baru ini nilai mata wang ringgit telah menjunam turun berbanding dengan nilai mata wang warga asing yang menyebabkan ataupun membolehkan mereka membeli hartanah secara senang bukan sahaja di Pulau Pinang, di Malaysia, so *that why* di Pulau Pinang had syiling harga rumah perumahan yang boleh dibeli oleh warga asing ditetapkan RM2.0 juta iaitu dua kali ganda apa had syiling yang wujud di Malaysia. Di Malaysia secara keseluruhannya ada langkah untuk mengawal pembelian hartanah oleh warga asing tapi ia adalah RM1.0 juta dan RM500,000.

Kita *double, of course* saya lihat cadangan YB. KOMTAR untuk kita lihat sama ada salah satu cara untuk menghadkan pembelian harta di kawasan UNESCO George Town tersebut dengan meningkatkan harga tersebut, boleh kita pertimbangkan. *Of course* RM200 juta sama ada itu adalah itu salah satu harga yang wajar atau tidak dan kita lihat dan akan dipertimbangkan. Itu adalah isu YB. Dato' Speaker, sepertimana saya nyatakan tadi apabila Y.A.B. Ketua Menteri membuat pengumuman tersebut ia adalah berdasarkan beberapa laporan di media masa kononnya ada pembelian mendadak oleh warga asing akan hartanah-hartanah di George Town World Heritage *side* tersebut, akan tetapi kalau kita hendak cuma berdasarkan laporan di akhbar atau media masa mungkin tidak tepat, jadi oleh itu kita telah diminta oleh Ketua Menteri supaya buat satu kajian untuk mendapat tahu secara terperinci dan tepat sama ada betul atau tidak apa yang dikatakan oleh itu pembelian mendadak oleh warga asing akan hartanah-hartanah di George Town World Heritage *site* kerana apa-apa yang hendak kita lakukan mahupun pengenalan semula akta kawalan sewa ataupun yang saya sebut kita tak *brand* yang kita namakannya sebagai kawalan sewa ataupun akta penyelarasan sewa ataupun cadangan YB. KOMTAR sekiranya ianya hendak dipertimbangkan pun, ia cuma boleh dipertimbangkan sekiranya tepat apa yang dikatakan itu ada pembelian secara mendadak kerana di George Town World Heritage *site* untuk makluman YB. Dato' Speaker, kita ada hampir-hampir 5,000 unit harta dan yang dihuni, yang disewa ataupun yang digunakan untuk tujuan komersial, so kita hendak tau sama ada betul ataupun tidak, kerana kalau tidak, kalau jumlah *insignificant*, kecil tak perlu pun kita pertimbangkan tentang pewujudan enakmen penyelarasan sewa ataupun apa yang dicadangkan oleh YB. KOMTAR. Itu jawapan saya kepada *just the other question, I just complete*, dan berkenaan dengan soalan yang pertama, *I think that is very important question because* kalau kita hendak tujukan kepada menghadkan pembelian, *that means restricting buying for the foreigners*, sebab itu merupakan satu cadangan daripada beberapa pihak berkepentingan, *stake holders* yang membuat aduan tersebut.

Kita ada kekangan dari segi perundangan dan saya sebut tadi bukan sahaja Perlembagaan Persekutuan tapi juga apa yang YB. KOMTAR kata juga Kanun Tanah Negara dan ini adalah perkara-perkara yang diluar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan memang Kerajaan Negeri siap sedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk melihat sama ada Kanun Tanah Negara ataupun Perlembagaan Persekutuan dari segi menghadkan pembelian daripada sesiapa pun mahupun warga asing ataupun *locals* kita boleh kaji semula sama ada kita hendak buat suatu pindaan kepadanya. Itu sahaja Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan Yang Berhormat, terima kasih. YB. KOMTAR, saya rasa bukan sahaja Pembangkang yang bercakap persoalan ini tetapi adalah NGO-NGO yang dulunya menjadi kawan baik kepada Kerajaan Negeri, hari ini mereka juga mengkritik, lancang mengkritik Kerajaan Negeri. Soalan saya YB. Datuk Keramat, kita pernah dalam Dewan ini meluluskan akta warisan, diluluskan tapi tak pernah digazetkan. Sudah? Bagaimanakah kita boleh menggunakan akta ini untuk mengatasi masalah yang kita bincangkan tadi? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Pulau Betong, masalah yang dibangkitkan adalah sebenarnya kenaikan sewa yang mendadak. *This is the problem that was raised....* (dengan izin) yang membawa kepada semua kejadian ini. Apa yang berlaku adalah laporan-laporan yang berkata ada pihak-pihak terutamanya daripada Singapura yang kononnya telah datang ke Pulau Pinang membeli banyak unit-unit di kawasan UNESCO George Town World Heritage *site* tersebut mereka *refurbish* iaitu membaiki pulihnya pada *standard* yang diperlukan oleh UNESCO tersebut kerana *very very tight and refurbish....* (dengan izin) Dato' Speaker dan akibat kos yang disalurkan untuk pembaikpulihan tersebut mereka terpaksa sewanya pada kadar yang begitu tinggi. Ada *complaint* yang kata sehingga 500% lebih daripada kadar sebelum yang menyebabkan banyak pengusaha-pengusaha terpaksa keluar daripada UNESCO George Town World Heritage *site* tersebut. Itu permasalahannya, jadi kalau kita nak lihat bagaimana mengatasi permasalahan tersebut ia adalah berkenaan kita hendak selaras atau mengawal sewa. Oleh itu kita lihat kepada pengenalan semula enakmen penyelarasan ataupun yang kita kata penyelarasan sewa untuk kita dapat kawal sewa tersebut. Akta Warisan tadi YB. Pulau Betong sebut Akta Warisan sebenarnya baru-baru ini telah digazetkan, diwartakan tetapi akta warisan tiada apa-apa kuasa di dalam Akta Warisan untuk kita kawal sewa. *The problem is not in relation to kawalan sewa*, Akta Warisan lebih kepada bagaimana kita boleh memelihara dan memulihara kawasan-kawasan yang dikatakan di dalam kawasan zon UNESCO World Heritage *site* tersebut, itu permasalahannya YB. Pulau Betong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

No. 3. Jelaskan secara terperinci langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan permasalahan banjir di setiap daerah di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan YB. Pulau Betong bersama dengan soalan yang ke 6 oleh Ahli Kawasan Bagan Dalam kerana menyentuh isu-isu yang sama.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang bersepadu bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat-Pejabat Daerah dan Tanah untuk menangani masalah banjir di Negeri Pulau Pinang. Dalam hal ini tiga (3) pendekatan utama telah dan akan terus diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah banjir.

Pendekatan pertama melibatkan operasi pembersihan parit utama yang bermasalah di mana Kerajaan Negeri akan melaksanakan operasi pembersihan parit utama dan bermasalah secara mekanikal dengan menggunakan kemudahan jentera pembersihan *art gully emptier* secara berkala. Selain kerja-

kerja menaik taraf parit dan pintu air serta membina Rumah Pam Kawalan Banjir di Taman Perumahan yang menghadapi masalah banjir, pihak berkuasa tempatan juga melaksanakan pembersihan parit besar, perangkap sampah dan parit *scupper* secara berkala.

Selain itu satu skuad pemantauan dan tindakan operasi bencana juga telah ditubuhkan untuk menyelaraskan mekanisme dan mengenalpasti punca kejadian banjir dan bertindak serta membantu di dalam merancang langkah-langkah pemulihan dari segi teknikal dan operasi pembersihan dan pendekatan kedua adalah melalui Kawalan Pembangunan Baru. Di mana pemaju projek pembangunan yang baru di dalam kawasan Bandaraya George Town, MBPP akan mengenakan syarat untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut pelan induk *The study of flood mitigation and drainage in Penang Island....*(dengan izin) yang telah digariskan oleh Japan International Corporation Agency (JICA).

Manakala bagi projek pembangunan baru di luar kawasan Bandaraya George Town pula. JPS akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia ataupun MASMA. Pelan induk saliran dan pengurusan air ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu. Pendekatan ketiga yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui projek-projek tebatan banjir di mana projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minima. Dalam pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir, JPS bertindak sebagai agensi utama atau *lead agency* yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas ini.

Selama ini MBPP, MPSP, JPS dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini.

Kerajaan Negeri sentiasa menjalankan projek-projek mitigasi banjir untuk mengurangkan impak masalah banjir kilat di dalam kawasan bandar dan luar bandar dengan menggunakan peruntukan pembangunan negeri sepertimana Y.A.B. Ketua Menteri akan umumkan untuk bajet tahun akan datang. Di samping itu Kerajaan Negeri juga telah memohon peruntukan di bawah RMKe-11 bagi projek-projek tebatan banjir dan telah mula menerima kelulusan bagi pelaksanaan mulai tahun 2017 sepertimana yang diumumkan baru-baru ini. Bukan sahaja RMKe-11 tetapi bagi setiap RMK pihak JPS atau agensi-agensi lain di bawah Kerajaan Negeri juga akan membuat permohonan untuk mendapat peruntukan daripada Kementerian. Misalnya bagi RMKe-11 di mana baru-baru ini diumumkan RM150 juta diluluskan sebenarnya dalam permohonan oleh JPS, RM997 juta dipohon di bawah RMKe-11 oleh JPS Negeri Pulau Pinang yang merangkumi lima (5) projek yang besar termasuk Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang di mana apa yang dipohon RM654 juta tetapi setakat ini RM150 juta diluluskan dan diumumkan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Ada empat (4) lagi yang masih kita harap Kerajaan Persekutuan dapat menimbang untuk diluluskan iaitu Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Perai yang dipohon RM70 juta, Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Juru RM80 juta, Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Jawi RM40 juta dan Rancangan Tebatan Banjir Bayan Lepas yang merangkumi Bayan Baru dan juga Batu Maung iaitu membabitkan satu jumlah yang agak besar RM153 juta.

Inilah dipohon di bawah RMKe-11 dan kita masih berharap sebanyak boleh peruntukan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan JPS sama ada JPS Negeri mahupun JPS Persekutuan melaksanakan projek-projek ini. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga menggunakan caruman peparitan yang dikenakan atas pemaju-pemaju semasa permohonan Kebenaran Merancang dan sehingga sekarang Kerajaan Negeri telah menggunakan iaitu mulai tahun 2008 sudah menggunakan dari caruman peparitan RM132.61 juta bagi semua daerah di Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir.

Butirannya pada tahun 2008 RM8.46 juta, 2009 RM13.02 juta, 2010 RM3.81 juta, 2011 RM8.21 juta, 2012 RM19.42 juta, 2013 RM39.32 juta, 2014 RM11.38 juta, 2015 RM13.96 juta dan 2016 RM16.92 juta iaitu RM132.61 juta dari tahun 2008 sehingga tahun 2016. JPS juga telah menyiapkan Pelan Induk Tebatan Banjir dan sistem Saliran bagi Daerah Barat Daya dan Seberang Perai Tengah iaitu *District Drainage Master Plan* dalam proses penyediaan adalah bagi Daerah Timur Laut, Seberang Perai Selatan. Kita masih menunggu JPS SPU untuk mengemukakan cadangan untuk juga melaksanakan *District Drainage Master Plan* di SPU juga.

Pelan Induk Tebatan Banjir Daerah ini dapat membantu bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi semua agensi yang diberi tanggungjawab untuk menangani isu banjir dan juga pemaju-pemaju untuk tahu bahawa adanya *Drainage Master Plan* dan pelan-pelan ini sudah pun mengenal pasti kawasan berisiko tinggi dan akan menjadi panduan kepada PBT semasa meluluskan pelan-pelan pembangunan dengan meletakkan syarat-syarat yang sudah pun ditetapkan di bawah *Drainage Master Plan* di peringkat daerah. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya ada tiga soalan tambahan Dato' Speaker, yang pertama bolehkah saya tahu laporan JICA itu disediakan pada tahun bila? Yang kedua, saya nak tahu berapakah jumlah caruman peparitan yang terkumpul setakat ini, jumlah terkumpul *accumulated figure* setakat ini? Berapakah purata setahun *average* dan apakah kriteria perbelanjaan kalau ada kategori dia kriteria perbelanjaan dan soalan ketiga saya nak tahu berapakah jumlah berdasarkan kepada *Drainage Master Plan* for Barat Daya, berapakah jumlah projek tersebut dan bilakah ia akan dilaksanakan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Pulau Betong, terima kasih Dato' Yang di-Pertua kalau saya tak dapat jawab Dato' Yang di-Pertua boleh bantulah sebagai mantan EXCO Tebatan Banjir juga. Untuk soalan pertama, bilakah *Master Plan* JICA dilakukan. Saya tak ada tarikh yang tepat tetapi di tahun 80-an. Keduanya apakah jumlah terkumpul sehingga kini. Untuk makluman Dewan, caruman peparitan mula dikutip sejak tahun 90-an untuk angka yang terkumpul ini saya perlu notis dan akan memberi kepada Yang Berhormat tetapi apa yang dibelanjakan sejak 2008 sehingga kini RM132 juta ini membayangkan jumlah yang dikutip selama ini melebihi angka ini lah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Boleh saya tahu, mungkin tahun lepas atau sebelum itu Yang Berhormat ingat *average* berapa?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Average mungkin dalam RM15-RM20 juta atau lebih kurang dari itu, saya akan memberi maklumat lengkap dan mungkin dari sejak mulanya bila pada tahun 1992 atau 1994 saya rasa caruman peparitan dikutip di bawah syarat-syarat yang ditetapkan pada masa itu tetapi satu perbezaan besar adalah jumlah caruman yang dikenakan sudah dinaikkan. Pada dahulunya RM10,000 dikutip dari satu ekar pembangunan. Kalau dikatakan *any government less than one acre* dia dikenakan RM10,000, kalau lima (5) ekar RM50,000. Tetapi pada dua (2) tahun sebelum kita telah meningkatkan caruman ini memandangkan kita memerlukan dana yang begitu banyak untuk melaksanakan projek-projek dinaikkan sehingga RM50,000 untuk satu ekar. Dan ini dapatlah menambahkan caruman yang dapat kita kutip untuk melaksanakan projek-projek yang ditetapkan sama ada dikenalpasti di bawah *District Drainage Master Plan* ataupun *JICA Master Plan* ataupun JPS akan melantik *study* yang berkenaan untuk kawasan-kawasan *hot spots* seperti mana diusahakan dan saya percaya akan diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri nanti.

Bagi *District Master Plan* Barat Daya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Keutamaan perbelanjaan dahulu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Keutamaan perbelanjaan kita setiap kali MMK Tebatan Banjir bermesyuarat kita akan menerima permohonan daripada agensi yang saya sebutkan tadi sama ada MBPP, MPSP, JKR, JPS, daerah-daerah akan kemukakan cadangan untuk melaksanakan projek-projek untuk menangani tebatan banjir. Jadi Jawatankuasa akan memerlukan kalau ada, mungkin untuk projek-projek skala sederhana, kita mulakan peruntukan untuk menjalankan satu kajian dahulu sebelum kita luluskan jumlah yang lebih besar bagi projek sebenar. *So, we usually start with a study and recommendation.* Jadi permohonan ini akan disokong oleh penemuan kajian-kajian ini dan apakah syor-syor oleh pakar perunding untuk menjalankan kerja-kerja yang tertentu bagi projek-projek dalam tempat-tempat yang dikenalpasti.

Jadi bagi Barat Daya, setelah siap kita, saya meneliti yang diperlukan hampir RM1.0 billion bagi semua projek yang dikenalpasti oleh *Drainage Master Plan* bagi Daerah Barat Daya tetapi itu menjadi satu cabaran bagaimana kita boleh dapat RM1.0 billion untuk melaksanakan dalam satu daerah sahaja. Mungkin kita perlu memberi keutamaan-keutamaan sahaja kepada projek-projek yang amat mendesak memandangkan sumber kewangan pun amat terhad. Kalau nampak RMKe-11, Bayan Baru, Bayan Lepas, Batu Maung kita pohon RM153 juta. YB. Batu Maung pun harap Kerajaan Persekutuan boleh meluluskan kalau bukan RM153 juta, kata RM100 juta, itupun akan membantu sangat dalam menangani isu-isu tebatan banjir di sebahagian Barat Daya. Sekian.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Semalam baru-baru ini ada kesan *supermoon* dan kawasan Machang Bubuk juga dilandai masalah banjir. Tetapi masalah banjir yang berlaku ini, saya ada satu soalan yang macam mana tadi YB. Padang Kota menyebutkan apa usaha-usaha yang telah diambil di dalam negeri tetapi apa yang berlaku di Machang Bubuk sekarang, yang semalam berlaku ini adalah disebabkan oleh pembangunan yang begitu pesat dari sebelah Kulim dan kita juga mendapati tidak ada satu kolam tadahan yang sempurna, sistem kolam tadahan yang sempurna di sebelah Kulim, Kedah. So, apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh kerajaan dalam segi menangani masalah ini kerana ia adalah berpunca daripada kawasan yang di sebelah, di luar kawasan Negeri Pulau Pinang dan macam mana untuk menanganinya dengan lebih sempurna supaya tidak menyebabkan bila hujan turun di Kulim, walaupun kawasan Machang Bubuk tidak ada hujan, pun akan banjir juga. So, saya harap Padang Kota boleh jawab.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Machang Bubuk yang merupakan ahli dalam Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir yang memang prihatin tentang isu banjir kilat di seluruh kawasan Machang Bubuk dan isu yang dibangkitkan adalah sumber dikenalpasti sebab Machang Bubuk bersempadan Daerah Kulim dan Lembangan Sungai Machang Bubuk mula dari kawasan Kulim di Kedah Darul Aman dan Pengarah JPS Negeri memang sedar dan telah memaklumkan kepada saya, JPS Negeri Pulau Pinang akan berhubung dengan JPS Negeri Kedah khususnya bagi Daerah Kulim untuk melihat sama ada apa-apa tindakan boleh diambil bagi memastikan kalau cadangan pembinaan kolam tadahan boleh menyelesaikan atau menangani isu maka perlu diusahakan ke arah itu. Itu sahaja, saya percaya Yang Berhormat pun mengikuti perkara ini dalam Mesyuarat MMK Tebatan Banjir. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya ingin tanya mengapa projek Sungai Pinang untuk mengatasi banjir dilambatkan walaupun telah lama dibincangkan tentang projek ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Bagan Dalam yang menanya mengapa Projek Tebatan Banjir di Sungai Pinang khususnya Fasa 3 tidak disambungkan dan perlu ditangguhkan begitu lama sebab Fasa 1 disiapkan pada akhir tahun 1990-an dan sudah dua (2) kali RMK tidak diperuntukkan untuk meneruskan projek ini dan setiap kali JPS Negeri akan mengulangi permohonan dan kali ini bukan sahaja mengulangi permohonan tetapi tambah pula dari apa yang dipohon pada RMK-RMK yang lepas. Pada masa dahulu mungkin cuma RM150 juta dipohon tetapi pada RMKe-11, JPS Negeri pohon RM654 juta sebab ingin menjalankan tebatan banjir bukan di bahagian Fasa 3 sahaja iaitu dari Patani Road hingga ke Dhoby Ghaut tetapi juga melingkungi anak-anak sungai, *up stream* bagi Lembangan Sungai Pinang sebab walaupun kita kata Sungai Pinang tetapi banyak batang sungai mengalir ke Sungai Pinang. Lembangan Sungai Pinang meliputi satu kawasan yang amat luas dari bukit-bukit di Bukit Bendera yang mengalir sungai air terjun, Sungai Air Itam, Sungai Air Putih di Paya Terubong, Sungai Dondang di Greenland Heights, Sungai Jelutong, itu semua mengalir ke Sungai Pinang dan menyebabkan Sungai Pinang menjadi satu ampangan yang amat kritikal bagi menampung pengaliran air dari satu kawasan *catchment* yang begitu besar. *Catchment* Sungai Pinang, Lembangan Sungai Pinang merangkumi 1:6 of *the land of the Penang Island*. Itu merupakan satu Lembangan atau *catchment* yang amat besar. Jadi walaupun sudah lewat, kita berharap apa yang sudahpun diluluskan dapat kita usaha dengan secepat mungkin dan mengikut JPS Negeri yang berhubung dengan JPS Persekutuan, kita berharap dalam *second half of 2017*, setelah kajian terperinci dibuat pada bulan Januari hingga mungkin bulan Ogos, tender untuk melaksanakan projek ini dapat diusahakan pada *second half* tahun 2017. Mungkin September ataupun Oktober sebab memerlukan beberapa bulan untuk kaji semula *up-streams* yang sememangnya tidak diambil kira dalam kajian yang lebih awal itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Machang Bubuk, silakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan 4.

- No. 4. (a) Senaraikan bilangan unit kosong flat/pangsapuri kos rendah mengikut daerah yang telah menjadi tempat pembuangan sampah haram.
- (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kebersihan serta tempat pembaikan nyamuk Aedes?
- (c) Adakah kerajaan mengkaji untuk penggubalan undang-undang untuk merampas balik tanah yang tidak dijaga?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan 4 oleh YB. Machang Bubuk adalah berhubung dengan isu pembuangan sampah haram di unit yang kosong, flat-flat ataupun pangsapuri-pangsapuri kos rendah. Untuk makluman Dewan, jumlah flat atau pangsapuri kos rendah di Negeri Pulau Pinang yang menjadi tempat pembuangan sampah haram adalah sebanyak 122 unit iaitu 70 unit di Daerah SPU, 37 unit di Daerah SPT dan 15 unit di Daerah SPS. Manakala tiada flat atau pangsapuri yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Daerah Timur Laut dan Barat Daya. Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kebersihan serta tempat pembiakan nyamuk aedes adalah melaksanakan perkhidmatan pungutan sampah domestik secara berjadual dari tong sampah atau pusat tong sampah.

Kedua, melaksanakan pembersihan jalan dan parit di tempat awam mengikut penjadualan dan kekerapan.

Ketiga, melaksanakan aktiviti gotong-royong bersama dengan penduduk setempat dari semasa ke semasa.

Keempat, melaksanakan perkhidmatan pungutan sampah haram yang dibuang di tempat awam. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap mana-mana pemilik tanah persendirian yang didapati menyebabkan kacau ganggu.

Kelima, menjalankan operasi pembersihan tapak-tapak binaan dan premis-premis berpotensi bagi meningkatkan penguatkuasaan yang membiak nyamuk aedes sebagai langkah-langkah mencegah penularan penyakit demam Denggi, Chikungunya dan Zika.

Keenam, memantau tanah persendirian yang berpotensi menjadi tempat pembiakan aedes melalui aduan awam dan maklum balas daripada kakitangan untuk mengeluarkan notis pembersihan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Membawa Penyakit. Tindakan susulan pembersihan semak samun turut dijalankan oleh PBT.

Ketujuh, PBT membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan aktiviti penguatkuasaan di lokasi wabak Denggi terhadap premis yang kotor dan membiak nyamuk Aedes.

Kelapan, kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri setiap minggu bertujuan untuk memberi maklumat terkini Denggi kepada orang ramai dan meningkatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan demam Denggi. Langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan oleh orang ramai adalah melakukan pemeriksaan dalam rumah dan kawasan sekitar masing-masing bagi memastikan dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes setiap minggu.

Kesembilan, meningkatkan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, hebahan awam dan nasihat individu di lokaliti-lokaliti kes dan wabak. Aktiviti pendidikan kesihatan juga diadakan di tempat-tempat tumpuan awam seperti di pasa raya dan pasar malam.

Bagi jawapan bahagian C, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menggubal undang-undang bagi merampas balik tanah yang tidak dijaga. Tindakan penguatkuasaan dibuat ke atas rumah atau unit kediaman yang kosong atau terbiar di bidang kuasa PBT dengan menggunakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan dirasakan adalah memadai untuk menangani masalah tersebut. Sekian.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Padang Kota, Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah kita tahu ada akta-akta yang sedia ada dan memang penguatkuasaan juga dikenakan ke atas pemilik-pemilik tanah milik kosong ini. Apa yang saya hendak katakan adalah kelemahan dari segi undang-undang tersebut telah diambil kesempatan oleh pemilik-pemilik rumah pangsapuri kos rendah itu, mereka, pertama mereka tidak tinggal di sana. Penguatkuasaan bila turun pun tidak dapat membuat apa-apa tindakan kerana notis diletak di atas unit kosong itu tidak ada orang menghiraukannya dan pemilik rumah itu mungkin pun sudah tinggal dirumah-rumah lain yang tidak ada di kos rendah itu. So, tempat itu setiap kali Pihak Berkuasa Tempatan pergi membersihkan tidak lama lagi ia akan menjadi balik, rumah kosong dan rumah sampah. Saya nak katakan di sini sekiranya, yang tindakan kita yang sedia ada sudah tidak mencukupi, adakah kerajaan boleh cuba untuk mengkaji lebih mendalam tentang rampas balik tanah tersebut. Sekurang-kurangnya ia akan mendesak supaya pemilik tanah itu akan prihatin terhadap rumah mereka supaya tidak dijadikan rumah sampah sebagai tempat pembiakan nyamuk.

So, itu yang saya rasa kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih tegas memandangkan peraturan dan akta-akta yang sedia ada tidak dapat menjalankan pembersihan tersebut dengan baik. So, itu yang saya harap kerajaan boleh fikirkan apakah tindakan yang boleh diambil.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih sekali lagi YB. Machang Bubuk. Perkara ini akan sebenarnya pernah dibincangkan dan akan dipohon pandangan undang-undang dari pihak Kerajaan Negeri sama ada perkara ini dapat dilakukan atau tidak.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengajukan soalan saya berkenaan soalan 4 (B). Saya berterima kasih pada YB. Padang Kota tadi, yang telah memberi penjelasan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk kita menangani masalah pembiakan nyamuk aedes. Kita juga faham bahawa dewasa ini, masalah penyakit Zika juga telah mula menular di Pulau Pinang. Sebelum saya bertanyakan soalan, saya lihat bahawa tindakan-tindakan pembersihan, gotong-royong dan sebagainya hanya dilaksanakan oleh JKKK, KADUN-KADUN tertentu nombor satu dan EXCO-EXCO terlibat juga telah mengambil bahagian dalam projek-projek gotong-royong.

Kerajaan Negeri sendiri telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat menubuhkan Jawatankuasa untuk memberi perhatian kepada masalah ini yang telah menular di Pulau Pinang. Masalah pembiakan nyamuk aedes dan juga masalah pembiakan Zika. Saya kurang pasti, sama ada Kerajaan Persekutuan ada memberi sumbangan yang secukupnya, nombor satu, dari segi kewangan dan juga dari segi... (dengan izin) *equipment* seperti *equipment* yang digunakan untuk penyemburan semasa untuk menangani masalah aedes dan Denggi.

Dan soalan ketiga saya adalah sama ada Menteri Kesihatan Persekutuan telah mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat di Pulau Pinang dan berapa kali telah beliau lawat ke Pulau Pinang, sama ada beliau telah mengadakan apa-apa mesyuarat tertentu dengan EXCO, memberi pandangan, sumbangan, maklumat dan sebagainya untuk menangani masalah ini kerana kita lihat sejak kebelakangan ini, Menteri Kesihatan hanya sekadar mengeluarkan kenyataan daripada Kuala Lumpur sahaja.

Saya kurang pasti, *I stand corrected...*(dengan izin), tidak pernah beliau datang ke Pulau Pinang melawat kawasan-kawasan tertentu, memberi nasihat dan sebagainya untuk menangani masalah ini. Saya ingin tanya adakah ini kerana semata-mata kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bukannya daripada Barisan Nasional. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Seri Delima. Sebagai EXCO Kerajaan Tempatan, saya akan memberi jawapan tempatan sahaja. Isu-isu berhubung dengan Jabatan dan Kementerian Kesihatan, saya percaya rakan muda saya dalam EXCO Kesihatan adalah senantiasa memberi perhatian yang tertinggi atas isu masalah denggi dan Zika di Negeri Pulau Pinang.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, kita memang sebahagian daripada usaha yang diterajui oleh Jabatan Kesihatan Negeri untuk menangani masalah Denggi di Negeri Pulau Pinang dari segi memberi perhatian tentang kebersihan, aktiviti-aktiviti kesedaran awam di peringkat yang boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, dan akan memberi kerjasama yang tertinggi kepada Jabatan Kesihatan sebenarnya ada Mesyuarat Peringkat Daerah setiap minggu dan akan dipantau dengan rapi untuk menangani isu ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kuota sudah diguna habis.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Mohamad Farid bin Haji Saad):

Nak minta izin Yang Berhormat, tolong perkenalkan dua muka baru seorang yang *handsome* dan seorang yang manis ini. Sebab kami tidak kenal mereka, nama dan sebagainya. Siapa dia. Tapi saya minta sekarang, boleh beritahu sekarang, saya ingat jangan tunggu-tunggu. Mohon YB. Dato' Speaker tolong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersama dengan kita hari ini adalah Penasihat Undang-undang kita yang baru, YB. Dato' Anas. Satu lagi Pegawai Kewangan Negeri yang baru, YB. Puan Sarul. Bukan tanya soalan tambahan. Puas hati? Puas hati, saya nak persilakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya nak tanya Yang Berhormat belum jawab soalan sama ada adakah Menteri tersebut datang melawat ke sini. Jadi saya beranggapan tidak, jawapannya mungkin tidak lah. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya saya nak persilakan YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan lisan saya ialah soalan kelima.

- No. 5. (a) Sila nyatakan usaha-usaha yang telah diambilkan oleh Kerajaan Negeri dalam membekal rumah mampu milik kepada rakyat di Pulau Pinang?
- (b) Sila bandingkan unit rumah mampu milik yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Paya Terubong, YB. Dato' Speaker. Soalan Paya Terubong, "Sila nyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membekalkan rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang dan bandingkan rumah mampu milik yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang".

YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 melaksanakan pelbagai Dasar Perumahan yang bertujuan menggalakkan pembinaan perumahan mampu milik. Diantaranya termasuk Dasar Sumbangan 30% Rumah Kos Rendah atau kini dikenali sebagai Rumah Mampu Milik 'A' dan Rumah Kos Sederhana rendah ataupun Rumah Mampu Milik 'B' sebagai syarat permohonan Kebenaran Merancang.

Dalam pada ini, sejak 2008 sehingga kini sebanyak 11,487 unit RMMA ataupun kos rendah dan 9,400 unit RMMB atau kos sederhana rendah telah dibina di Pulau Pinang berbanding dengan 4,355 unit RMMA kos rendah dan 769 unit RMMB kos sederhana rendah yang dibina di dalam tempoh 2001 sehingga 2007 di bawah pentadbiran terdahulu, iaitu Dato' Speaker satu angka lebih empat (4) kali ganda, kita bekalkan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah ataupun RMMA dan B berbanding dengan kerajaan terdahulu dalam tempoh yang sama.

Dan terkini YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah bersetuju menetapkan had maksimum penjualan rumah mampu milik kepada RM300,000 dengan keluasan minimum 805kp bertujuan memastikan manfaat pembekalan unit-unit kediaman yang selesa pada harga berpatutan sampai kepada sasaran utama iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan ke bawah.

Dalam aspek pembangunan fizikal, YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ataupun PDC telah merangka pelan pembangunan 14 projek perumahan yang akan melibatkan penyediaan sebanyak 26,255 unit Rumah Mampu Milik pelbagai kategori.

Daripada jumlah tersebut, kerja-kerja fizikal bagi empat (4) projek telah pun dimulakan iaitu:

1. The Rise di SP Chelliah Daerah Timur Laut yang dijangka siap pada Jun 2019;
2. Duo Residensi, di Daerah Barat Daya dijangka siap Jun 2018;
3. Jiran Residensi di Seberang Perai Utara yang dijangka siap Feb 2018 dan;
4. Fasa 1 Bandar Cassia di Seberang Perai Selatan yang dijangka siap Jun 2017;

Now, walaupun Kerajaan Persekutuan mempunyai program rumah mampu milik dibawah Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia ataupun PRIMA sejak 2012, malangnya YB. Dato' Speaker sehingga sekarang satu unit pun belum dibina di Negeri Pulau Pinang. Hanya baru-baru ini iaitu sejak Disember tahun sudah, permohonan dikemukakan oleh mereka, namun kemajuan PRIMA tersebut masih belum mula. Sekian.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Dari jawapan yang diberi oleh Ahli Kawasan Datok Keramat tadi seolah-olah Kerajaan Negeri berlumba-lumba nak menyatakan siapa yang lebih buat banyak rumah kos rendah. Jadi, persaingan yang memang baik tetapi kita boleh lihat bahawa kedua-dua sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat memang berusaha untuk menyediakan rumah kepada rakyat terutama sekali rumah mampu milik rumah, rumah kos rendah. Kalau begitu sepatutnya Kerajaan Negeri memberi sokongan, memberi bantuan dan membantu Agensi-agensi Persekutuan di dalam usaha untuk membina rumah-rumah kos rendah ini. Soalan saya YB. Dato' Speaker, ialah kenapakah dan dari jumlah yang dinyatakan tadi, berapa banyakkah unit yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan berapa banyakkah unit-unit tadi yang disediakan oleh pemaju-pemaju persendirian ataupun swasta. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, berkenaan unit-unit secara terperinci yang dibina oleh Kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju, saya telah nyatakan kita ada *compliance quota* yang disyaratkan di bawah Kebenaran Merancang di mana ia adalah polisi Kerajaan Negeri untuk setiap kemajuan 30% kos rendah ataupun RMMA dan kos sederhana rendah ataupun RMMB perlu disediakan oleh pemaju.

Ini adalah secara langsung menurut polisi Kerajaan Negeri. Jadi tadi yang saya nyatakan 11,487 unit RMMA ataupun kos rendah dan 9,400 unit RMMB kos sederhana rendah telah dibina di Pulau Pinang di dalam tempoh 2008 sehingga September tahun ini. Jadi, ia adalah secara langsung melalui polisi Kerajaan Negeri mahupun pemaju ataupun Kerajaan Negeri melalui PDC. *Infact, I think* Dato' daripada YB. Telok Ayer Tawar ada satu soalan yang bertulis ataupun lisan meminta secara terperinci angka-angka tersebut, nanti saya akan serahkan kepada YB.- Dato' Telok Ayer Tawar.

Yang penting kepada soalan yang pertama tadi yang saya ingat satu soalan yang baik dari YB. Dato' Telok Ayer Tawar iaitu saingan ini baik kerana saya selalu menyatakan sebagai EXCO Perumahan, kita seharusnya tidak mempolitikkan perumahan. Setiap rakyat Negeri Pulau Pinang yang membayar cukai terutamanya cukai kepada Kerajaan Pusat, mereka berhak kepada kemudahan-kemudahan asas yang termasuk selain *infrastructure* dan sebagainya yang termasuk perumahan awam dan ini kita lihat walaupun YB. Dato' Telok Ayer Tawar kata baik saingan ini, dan saya hampalah saya tidak mahu menuding jari atau apa, tapi saya hampa apabila Dato' kata perlu kita bekerjasama.

Saya sedia, saya mengalu-alukan Agensi-agensi Persekutuan datang. *Infact, I think* YB. Dato' Telok Ayer Tawar akan tahu ataupun mana-mana pihak yang lain *I think* Permatang Berangan tahu. Dia pernah datang ke pejabat saya. Saya buka pintu *no problem*. Kita bincang tentang isu Perda, kita bincang tentang isu JKP, berapa projek saya telah kasi jalan. Betul atau tidak YB. Permatang Berangan? Dia kata betul. Dan saya nak nyatakan itu menunjukkan usaha saya untuk bantu, tapi yang menghampakan adalah PRIMA.

I come back to PRIMA. Saya kata tadi PRIMA telah digubalkan melalui akta pada 2012. Daripada 2012 ada banyak pengumuman, banyak pengumuman Kerajaan Pusat akan bawa PRIMA Perumahan Mampu Milik ke Pulau Pinang. Yang mengejutkan juga adalah ada pengumuman sehingga dari Perdana Menteri pada bulan April sebelum Pilihanraya Umum Ke13, dia datang ke Air Putih, dia pergi ke kawasan Ketua Menteri, dia kata kita akan bina 9,999 unit rumah mampu milik di tanah yang dipersoalkan isu 1MDB tersebut. Ketua Menteri boleh sahkan. Dia datang dia kata akan buat. Tapi sampai sekarang satu permohonan pun tak dimasukkan dari 2012, 2013 lagi. 2012 digubalkan akta. 2013 adalah pengumuman daripada Perdana Menteri. Lepas itu kita ada Menteri Perumahan, Rahman Dahlan. Berapa pengumuman, kita ada CEO daripada PR1MA, Abdul Mutalib Alias, berapa pengumuman. Bukan sahaja pengumuman, ada juga *advertorial* dalam surat khabar saya pernah tunjuk di sini di DUN ini. Di mana mereka buat *advertisement* katakan "*Welcome To Pr1ma Home*" dan di seluruh negara di setiap negeri di sebut di mana akan dibina termasuk di Pulau Pinang pada waktu Oktober saya ingat. Saya boleh ingat perkara ini secara terang. Oktober saya ingat 24 Oktober tak silap saya 2014 dalam surat khabar *The Star* dia kata akan bina di Kampung Kastam di Bukir Gelugor, akan bina di Balik Pulau secara terperinci berapa ribu sampai *the last number*, tapi, *that was 2014*. Tak dimasukkan satu permohonan. *For your information* Dato' Telok Ayer Tawar. *Only recently* Disember tahun dahulu kita lihat ada beberapa permohonan masuk. Permohonan-permohonan yang masuk, sudah tiga (3) saya lepas check dia punya *technical compliance*, pematuhan kepada garis panduan dan sebagainya. Tapi, *I* nak bagi tahu pada Dato' Telok Ayer Tawar juga, sama ada ikhlas atau tidak ada beberapa permohonan untuk program perumahan mampu milik, bukan sahaja PR1MA, tapi program seperti Program Perumahan Awam 1 Malaysia (PPA1M) yang juga masuk. *Because this are also federally initiated affordable housing programme*. Kita ada, saya nak sebut dan ini akan disahkan oleh rakan kita daripada Pulau Betong. Ada permohonan untuk PPA1M. *No, this one I think was PR1MA, not PPA1M. PR1MA before I come to PPA1M*. Di Balik Pulau nak bina sampai 29 tingkat. 27 blok apartment, di Kuala Sungai Pinang, di Balik Pulau. Kawasan terpencil, kawasan dalaman. Bukan sahaja di bandar Balik Pulau dan garis panduan pun kita jelas. Garis panduan kita kata di Balik Pulau kita ada *height control*. Di kawasan bandar kita benarkan sampai 12 tingkat sahaja. Campur podium. Walhal ini bukan di kawasan bandar, di kawasan dalaman 29 *storey's* dan di mana di atas bukit lebih daripada 76 meter itupun bercanggah dengan garis panduan kita. Takkan kalau pengusaha...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, pembetulan di Sungai Pinang tak ada bukit. Dia tanah landai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okay, kalau bukan 76, isu dia ialah *sorry for this project, because* banyak projek. PPA1M *the 76 one. Come to this first, 29 storey, 27 blocks. Totally unheard off*. Garis panduan kita ada *high control. On top of that, in* Balik Pulau they wanted to sell this unit RM510,000.00. Mampu milik di Balik Pulau RM510,000.00 boleh beli *semi detached house project*. And apabila saya bantah ini kerana saya kata ini menunjukkan ketidak ikhlasan mereka, hentam saya. *Just to please me because I've been saying where are you. They just apply without complying with a guidelines* Dato' Speaker, saya tertanya-tanya adakah ikhlas atau tidak?

Saya pergi kepada PPA1M baru-baru ini ada 2, 3 permohonan yang masuk, 1 daripadanya di atas tanah yang lebih dari 76 meter. Takkan dia punya arkitek atau konsultan tak tahu di Negeri Pulau Pinang kita punya garis panduan 76 meter dan ke bawah. Projek itu 100% 280 meter. Kalau ada bahagian yang di bawah 76 meter, *I would have done my best, allow at least that part* tapi dalam permohonan yang dikemukakan PPA1M tersebut, di *starting line* pun dia sudah *disqualified*. YB. Dato' Speaker apa ikhlaskah? *That's why I come back* YB. Dato' Telok Ayer Tawar. Apabila kita kata saingan ini baik, apabila kita kata perlu bekerjasama, saya sedia. Saya kata tadi, PERDA, JKP, UDA. Saya dah bantu. PR1MA, tiga (3) saya dah lepas. Tapi yang lain macam mana? Takkan dia punya konsultan tak tahu kita punya garis panduan. Itu jawapan saya YB. Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Berapit, ya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan kepada YB. Datok Keramat. Kita balik ke Seberang Perai. Saya memang hormat dan puji kerajinan YB. Datok Keramat di dalam pembangunan perumahan. Tetapi di KADUN Berapit sampai hari ini pun tak ada lagi rumah mampu milik atau flat atau rumah kos rendah yang di bikin oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat. Tetapi di sebelah saya iaitu KADUN Berapit ada satu tanah yang dimiliki oleh tanah Kerajaan iaitu Tanah Liat, pada tahun 2012. EXCO Perumahan YB. Ayer Itam sudah pernah pergi melawat tetapi sampai hari ini pun belum ada apa-apa perbincangan daripada PDC atau mana-mana pihak Kerajaan Negeri. Saya minta kalau boleh secepat mungkin Kerajaan Negeri membina flat yang mampu milik atau rumah kos rendah untuk orang-orang yang duduk di Bukit Mertajam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada YB. Berapit dan betul apa yang dikatakan tadi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang senantiasa memberi keutamaan kepada pembinaan rumah mampu milik pelbagai jenis daripada rumah mampu milik jenis A sehingga C ataupun kos rendah sehingga mampu milik di bahagian Seberang RM250,000.00 had siling dia. Dan untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya apabila saya beri perangkaan tadi, 11,487 dan 9,400 rumah mampu milik A dan B, ataupun kos rendah yang termasuk juga di Seberang. Mungkin tidak di kawasan Berapit, tetapi saya beri jaminan di sini kepada Berapit dan saya nampak Penanti pun sedang tengok pada saya, saya jawab sekali gus. Saya beri jaminan di sini bahawa kita pada setiap masa sedang berusaha untuk kenalpasti tanah. Bidang-bidang tanah yang ada dan kita dalam proses untuk membincang pembinaan dan pemajuan perumahan mampu milik pelbagai jenis ini di kawasan Yang Berhormat juga.

Di peringkat ini, saya boleh beri jaminan ini kerana Dato' Speaker, kalau kita lihat kepada angka saya berkenaan projek-projek PDC, kalau kita lihat kepada apa yang saya umumkan tadi, 14 projek pelbagai projek yang akan membina pelbagai projek rumah mampu milik dari kos rendah sehingga di Seberang RM250,000.00, sekarang mencecah 26,555 unit di dalam empat (4) projek di kelima-lima daerah. Angka ini berbeza dengan apa yang saya umumkan bagi sidang DUN dahulu. Iaitu 22,615. Sekarang kita sudah 26,000. *What I'm trying to say is, statistic* ini bukan statik, ia adalah satu statistik yang hidup. Tiap-tiap hari kita di pejabat saya dan PDC, Dato' Pengerusi ada di sini memang membincang tiap-tiap minggu dalam EXCO memang membincang projek-projek baru. Saya beri jaminan kalau sekarang tak ada projek di kawasan kita yang dibincangkan termasuk Tanah Liat, Tanah Liat pun dalam perbincangan. Kita akan cari. Kita akan cuba cari. *In fact*, kalau Yang Berhormat boleh cari tanah lapang, datang jumpa saya. Kita akan usahakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya nak *clarify* dengan YB. Datok Keramat. YB. Datok Keramat, terima kasih di atas penjelasan PR1MA. Saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kami sendiri pun di pihak Barisan Nasional, jika sekiranya kami nak pengetahuan tentang pembangunan-pembangunan yang terlalu tinggi dan sebagainya. Yang Berhormat pun tahu saya pernah buat kenyataan akhbar bahawa kita membantah dan ke semua *development* yang *come to us*, yang diberikan kepada kami, kami akan beri pandangan. Tetapi yang sampai kepada Yang Berhormat tanpa pengetahuan kami, kami tak boleh beri kerjasama. Minta maaf. Terima kasih.

YB. Yang di-pertua Dewan Undangan Negeri :

Sila. Saya ingin panggil Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

- No.7 Adakah sebarang projek pembangunan di tapak kosong di sebelah Flat Sri Saujana dan tepi Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu kerana tanah tersebut telah dibiarkan melebihi 10 tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang di-Pertua Dato' Speaker, tapak tanah kosong tersebut merupakan lot tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang iaitu PT327 dan didaftarkan atas hak milik HS(D)18071, Seksyen 11E Daerah Timur Laut yang berkeluasan 5,207 meter persegi. Syarat nyata lot ini adalah untuk tujuan perniagaan sahaja. Pada asalnya lot tanah tersebut dicadangkan untuk pembangunan komersial oleh PDC. Tapak tanah tersebut kini telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan Projek *Penang Art District* ataupun Daerah Seni Pulau Pinang. Bagi tujuan pelaksanaan projek ini, pelantikan jururunding bagi penyediaan cadangan pelan pembangunan di tanah tersebut sedang diuruskan. *Penang Art District* merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Pulau Pinang dalam industri perkhidmatan nilai tambah yang lebih tinggi di samping memacu pemulihan kawasan tersebut. Projek ini dianggarkan akan makan perbelanjaan RM30 juta dan akan dijangkakan akan menjadi tarikan pelancongan domestik dan luar negara. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Jawapan daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Saya ada soalan tambahan kerana saya difahamkan baru-baru ini tanah tersebut telah dijadikan satu program daripada *Penang Art District* untuk tanam padi dan ini sudah disoalkan oleh penduduk-penduduk kawasan di sana kerana Kerajaan Negeri selalunya kata tak cukup tanah untuk mendirikan rumah tapi yang ada sekarang ada di satu tanah yang keluasanya seluasnya satu ekar lebih dan penduduk-penduduk tanya mengapakah Kerajaan Negeri tak ada berhasrat untuk membangunkan rumah mampu milik dan sebaliknya sekarang ada program tanam padi di tanah tersebut. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Terima kasih. Saya difahamkan bahawa tapak ini digunakan semasa George Town Festival dan ia digunakan sebagai salah satu tarikan yang ada tarikan dengan program-program hijau dan tentulah bila kita sebut tentang perumahan, ia pernah dipertimbangkan tapi kerana *layout* tanah tersebut tidak begitu sempurna, kerana ia dalam bentuk "L" dan agak sempit oleh sebab itu ia pernah juga dipertimbangkan untuk menjadi satu hub pengangkutan LRT. Tapi, akhirnya pihak Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk cuba mendirikan *Penang Art District* sebagai penggerak ekonomi sepertimana yang dilakukan di London, *South Bank* pada satu ketika merupakan satu kawasan hitam di mana bukan sahaja mempunyai kadar jenayah yang tinggi, tetapi tidak berani dilawati atau dikunjungi bukan sahaja oleh pelawat-pelawat tetapi juga oleh orang tempatan. Malah pada satu masa kalau naik teksi nak pergi *South Bank*, pemandu teksi akan minta penumpang turun kereta kerana mereka pun takut nak pergi *South Bank*. Tapi sekarang selepas usaha pembaharuan yang dijalankan dengan menggunakan seni, khususnya *lake* moden, dan juga *Shakespeare Growth* serta *South Bank*, dengan pusat London menerusi satu jambatan, ia sekarang merupakan salah satu tempat penginapan ataupun tempat pengunjungan pelawat-pelawat yang paling popular di London.

Itulah sebabnya pihak Kerajaan Negeri memikir rancangan atau cara untuk merencanakan pembangunan ekonomi dengan mencari apa yang kita sebut sebagai *game changer* iaitu idea-idea baru untuk menarik bukan sahaja pelawat-pelawat, tapi menjadi satu sumber pertumbuhan ekonomi dan kami rasa kalau kita lihat contoh-contoh atau usaha yang dijalankan oleh negara-negara lain baik di negara Jepun mahupun di negara Korea dan China, bahawa seni boleh menjadi salah satu penggerak ekonomi dan menarik bukan sahaja para pelancong, tetapi merencanakan pembangunan ekonomi setempat. Pada masa yang sama ia pun dapat menaikkan dan meningkatkan kualiti di kawasan persekitaran. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih di atas jawapan. Adakah cadangan *Art District* itu, adakah tarikh bilakah kerja permulaan projek tersebut dan tempoh bilakah projek ini akan siap dan akan bermula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, sebenarnya adalah sesuatu projek yang akan menaikkan imej kawasan Yang Berhormat kerana ini adalah satu-satunya projek yang dijalankan di negara, ini merupakan satu projek perintis so...(dengan izin) *it is not against changer but pilot project you make in Malaysia*. Kerana ia berkaitan dengan seni ada berbagai pandangan saya rasa kalau kita ingat orang politik berpandangan

berbeza jumpa dengan seorang yang terlibat dengan seni ada banyak perbezaan lagi.

Oleh sebab itu pihak kerajaan akan mengambil kira pandangan yang berbeza dan kini dia dalam peringkat menentukan pembidaan-pembidaan ataupun syor-syor yang dikemukakan oleh pembida-pembida dan ini adalah diperingkat penyiasat. Saya rasa satu keputusan akan dibuat pada akhir tahun ini apabila ia dibentangkan kepada Lembaga Tender PDC, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan Sub-peraturan 26(7) Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan sebentar lagi dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2017.

“Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017”.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan dan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, mengikut Peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta-merta.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017 bacaan kali yang kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua.

YB. Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana telah membolehkan saya dan semua barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bagi menggalas tanggungjawab dalam menyampaikan ucapan Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 di Dewan yang mulia ini.

SENARIO EKONOMI DUNIA 'ALA-TRUMP'

YB. Dato' Yang di-Pertua, ekonomi negara menghadapi cabaran mencapai pertumbuhan 4.5% tahun ini selepas berkembang dengan 5% pada tahun 2015. Pulau Pinang telah berkembang sebanyak 5.5% pada tahun 2015 iaitu lebih tinggi daripada kadar negara dan dijangka berkembang sebanyak 5% pada tahun ini. Sebagai sebuah negeri bergantung kepada perdagangan dunia, kami dipengaruhi oleh pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) dunia yang diunjurkan sebanyak 3.1% pada tahun 2016, akan tetapi segala ini adalah sebelum peristiwa mengejutkan apa yang digelar sebagai *black swan event* iaitu pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat yang baru.

Sekiranya Donald Trump mengisytiharkan perang dagang dengan Negeri China, Mexico dan mengenakan tarif ke atas produk syarikat Amerika Syarikat yang mendirikan kilang di luar negara, iaitu luar daripada Amerika Syarikat ia akan menjejaskan malah menidakkan semua ramalan dan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia. Memang kami kini dalam zaman tidak menentu yang mungkin mendekati ambang krisis ekonomi dunia. Demi menangani *black swan event* ini, Kerajaan Negeri memilih model negeri keusahawanan dan negeri kebajikan untuk menghadapi ancaman krisis ekonomi global ala-Trump sekiranya berlaku mungkin melanda pantai Pulau Pinang pada 2017 serta membina satu landasan untuk keesokan hari agar semua rakyat Pulau Pinang yang rajin dan tekun masih memiliki peluang yang sama rata untuk mencapai impian mereka untuk berjaya.

CABARAN EKONOMI

Dato' Yang di-Pertua, Negara Malaysia dan Pulau Pinang menghadapi krisis ekonomi dalaman ekoran pendedahan skandal 1MDB sebanyak RM52 billion. Penurunan nilai mata wang ringgit secara mendadak, kenaikan harga barangan daripada minyak masak ke minyak petrol, pelaksanaan GST dan siasatan rakus audit cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ke semua faktor ini telah mengurangkan aliran dana dalam pasaran kewangan dan ekonomi yang menyebabkan perniagaan menurun dan kekangan wang belanja bagi para pekerja wang tidak cukup belanja, Dato' Yang di-Pertua.

Suasana dijangka menjadi lebih teruk lagi pada tahun 2017, berbanding dengan negeri-negeri lain, Pulau Pinang dapat mengurangkan impak negatif dengan bergantung kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan yang masing-masing menyumbang 50% dan 45% kepada KDNK Pulau Pinang pada tahun 2015. Untuk Negeri Pulau Pinang, kami juga menghadapi tiga cabaran utama yakni memperbanyakkan stok rumah awam dan rumah mampu milik, masalah kesesakan trafik dan banjir. Kerajaan Negeri tidak dapat mencari penyelesaian di peringkat kebangsaan tetapi mengesyorkan tema 'Ke Arah Negeri Keusahawanan dan Kebajikan' sebagai formula penyelesaian kepada masalah tiga (3) cabaran utama yang dihadapi oleh Negeri Pulau Pinang. Negeri Keusahawanan berpaksikan kerjasama dengan rakan kongsi daripada sektor awam, swasta dan rakyat agar penglibatan mereka dalam sesuatu inisiatif atau projek dapat memaksimumkan pulangan kewangan dan memberikan impak sosial yang tinggi. Apa yang disebutkan sebagai *Public, Private and People (PPP) Partnership* memerlukan pelaburan wang dan komitmen masa daripada semua pihak tetapi usahasama ini mesti dipimpin oleh sektor swasta dan rakyat. Sektor kerajaan mesti bersedia mengurangkan peranan yang dimainkan. Ini membolehkan pakar-pakar yang bukan kerajaan untuk memandu sesuatu projek sehingga mencapai kejayaan.

NEGERI KEUSAHAWANAN

Walaupun Pulau Pinang tidak mempunyai sumber semula jadi, Pulau Pinang dapat mengecapi pembangunan ke arah negeri keusahawanan menerusi tiga (3) teras utama. Satu, Tata kelola kerajaan yang baik dan bersih, dua membina infrastruktur dan kemudahan asas, tiga membina modal insan. Kerajaan Negeri berjaya melaksanakan tatakelola kerajaan yang baik dan bersih menerusi pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Urus tadbir CAT menampakkan banyak kejayaan. Antaranya Pulau Pinang mencatat lebihan belanjawan dengan jumlah lebihan sebanyak RM574 juta bagi tempoh lapan (8) tahun dari 2008 hingga 2015, lebih daripada jumlah lebihan di bawah Barisan Nasional sepanjang 50 tahun pentadbiran dari 1957 hingga 2007, sebanyak RM373 juta. Dalam erti kata lain, kita mengambil masa hanya lapan (8) tahun untuk mengatasi prestasi 50 tahun sebelum ini. Aset Pulau Pinang hampir digandakan dalam tempoh lapan (8) tahun dari RM850 juta kepada RM1.6 bilion, sekali lagi mencatat

prestasi hebat dalam lapan (8) tahun berbanding dengan 50 tahun sebelum ini. Jika tempoh lapan (8) tahun iaitu 2008 hingga 2015 dibandingkan dengan tempoh lapan (8) tahun sebelum ini iaitu 2000 hingga 2007, pelaburan pembuatan di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 87% kepada RM54.9 bilion berbanding dengan RM24.9 bilion, dengan juga kenaikan bilangan peluang pekerjaan sebanyak 20% kepada 128,317 peluang pekerjaan berbanding 106,583 peluang pekerjaan. Kadar pengangguran di Pulau Pinang adalah di antara yang paling rendah di Malaysia setakat 1.6% dan kini terdapat kekurangan pekerja seramai 20,000 di Pulau Pinang.

Produktiviti penternakan ikan di laut juga meningkat secara mendadak, daripada hanya 2,714.60 tan metrik pada tahun 2007 kepada 28,964.95 tan metrik pada tahun 2015, iaitu peningkatan hampir 10 kali ganda. Skala *Gini* atau *Gini coefficient* bagi mengukur tahap kesenjangan pendapatan telah berkurang daripada 0.419 pada tahun 2009 kepada 0.364 pada tahun 2014, iaitu satu penambahbaikan sebanyak 13% dalam tempoh masa lima (5) tahun, berbanding dengan purata Gini kebangsaan 0.401. Sebagai bandingan, Perak mempunyai pekala Gini yang lebih rendah iaitu 0.419 pada tahun 2009, tetapi masih mencatat angka yang lebih tinggi berbanding Pulau Pinang iaitu 0.366 pada tahun 2014.

Hutang Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menurun 90% sejak tahun 2008 dan berada pada tahap paling rendah dalam negara, iaitu RM69 juta pada akhir 2015. Hutang RM69 juta ini sangat kecil berbanding dengan jumlah hutang ke semua 13 buah negeri yang mencecah RM16.8 bilion, dengan hutang Pahang paling terbanyak sebanyak RM2.9 bilion, diikuti oleh Sabah RM2.6 bilion, Sarawak RM2.5 bilion, Kedah RM2.3 bilion dan Kelantan RM1.3 bilion. Pada tahun 2007, Pulau Pinang mempunyai kadar peratusan pertumbuhan KDNK per kapita yang paling tercorot. Pada tahun 2015, selepas lapan (8) tahun, Pulau Pinang akhirnya berjaya merubah keadaan dan menjadi juara kebangsaan dengan kadar pertumbuhan KDNK per kapita yang paling tinggi di Malaysia. KDNK per kapita di Pulau Pinang sebanyak RM44,847 pada tahun 2015 adalah lebih tinggi berbanding dengan KDNK per kapita kebangsaan sebanyak RM37,104.

Prestasi ekonomi Pulau Pinang yang hebat ini boleh dilihat melalui transformasi negeri yang dahulunya diiktiraf sebagai negeri yang paling kotor di Malaysia menjadi negeri bersih dan juga hijau, selamat dan sihat. Jalan-jalan baru telah dibina di Seberang Perai dan buat kali pertama dalam 20 tahun, di tengah kawasan Bandaraya Pulau Pinang iaitu Jalan Ahmad Noor serta di Butterworth, Jalan Uda dan Jalan Song Bang Keng di Bukit Mertajam. Kejayaan kita bukan sekadar statistik sahaja Dato' Yang di-Pertua tetapi adalah perkara zahir yang boleh dilihat dalam tempoh lapan (8) tahun seperti projek rumah terbiar yang kini dihidupkan kembali, tapak pelancongan yang kini dicergaskan kembali seperti bangunan KOMTAR, Bukit Bendera, George Town, Penang International Sports Arena atau kini digelar sebagai SPICE serta penubuhan dewan baru di Seberang Jaya, Seberang Perai Arena.

MEMBINA INFRASTRUKTUR

Dato' Yang di-Pertua, dalam menghadapi peredaran masa hadapan, salah satunya ialah masalah kesesakan trafik dan banjir, Kerajaan Negeri mengguna pakai rancangan jangka masa pendek, pertengahan dan panjang. Dalam memperkukuhkan pembangunan infrastruktur jalan dan pengangkutan awam bagi mengatasi masalah kesesakan trafik dan memperbaiki *connectivity*, Kerajaan Negeri menerima pakai pendekatan berikut. Satu, tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan yang menghalang trafik. Kedua, melebarkan jalan raya yang sesak seperti Projek Bulatan di Udini ke Jalan Masjid Negeri sebanyak RM20 juta oleh MBPP ataupun membina jalan pintas seperti Jalan P. Pato di Butterworth sebanyak RM7 juta oleh Jabatan Kerja Raya. Ketiga, projek jangka panjang seperti pelan induk pengangkutan awam sebanyak RM27 bilion yang merangkumi lebuh raya, LRT, kereta kabel, teksi air, bas dan teksi, projek 3 lebuh raya berkembar di Pulau dan terowong di dasar laut di Persiaran Gurney ke Bagan Ajam yang bernilai RM6.3 bilion dan projek lebuh raya berkembar untuk Jalan Paya Terubong daripada Relau ke Farlim bernilai RM275 juta oleh MBPP.

Pada tahun 2017, di samping peruntukan sebanyak RM7.64 juta yang akan disediakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan RM2.0 juta untuk jalan kampung, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM47.93 juta untuk membiayai kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf jalan bagi memenuhi keperluan sistem pengangkutan yang cekap dan selamat di samping mengurangkan kesesakan lalu lintas. Antara projek yang akan dilaksanakan ialah pelebaran Jalan Bukit Minyak, Alma di Seberang Perai Tengah, melebarkan jalan dan menaikkan taraf jalan dari satu lorong kepada dua lorong dari Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar, Seberang Perai Tengah dan membina jambatan baru merentasi Sungai Kerian di atas laluan P169 Kampung Tanjung Berembang, Seberang Perai Selatan. Pada tahun 2017 secara keseluruhannya Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah RM57.57 juta bagi tujuan tersebut.

PULAU PINANG BEBAS CATUAN AIR

Dato' Yang di-Pertua, perubahan cuaca mengakibatkan musim kemarau yang panjang serta musim tengkujuh yang pendek. Hujan akan turun dengan lebat dalam masa yang singkat. Perubahan cuaca inilah yang menyebabkan beberapa negeri menghadapi masalah catuan air kerana empangan air turun ke tahap yang kritikal ataupun kering kontang sama sekali. Pulau Pinang bernasib baik kerana tidak menghadapi masalah catuan air. Perancangan serampang tiga mata pihak PBA berkesan untuk menjamin bekalan air yang mencukupi sehingga 2030. Tolong kita bayangkan dengan kepadatan penduduk yang tinggi di mana lebih 50% penduduk tinggal di rumah pangsa dan kilang-kilang pembuatan antarabangsa yang terbesar di Malaysia, sebarang krisis air atau catuan air akan memudaratkan ekonomi dan sengasarakan rakyat. Itulah sebabnya pihak Kerajaan Negeri mengambil langkah serampang tiga mata dan tegas untuk menjamin bekalan air dengan pertama, menjadi negeri pertama yang mewartakan kawasan tadahan air dengan tidak membenarkan sebarang pembangunan dalam kawasan tersebut. Empangan-empangan air di Pulau Pinang yang penuh dan tidak kering seperti di negeri lain menunjukkan bahawa kawasan tadahan air adalah sihat dan tidak ada pembangunan ataupun kawasan bukit ditarah seperti yang didakwa.

Kedua, memperbesarkan Empangan Mengkuang lebih tiga (3) kali ganda dengan kos RM1.2 bilion di mana ukur lilitnya sepanjang 11 kilometer. Ketiga, membina paip air, stesen pam, mencari sumber air alternatif dan memastikan *no-revenue water* (NRW) yang terendah di Malaysia bagi mengelakkan kebocoran air serta memberikan amaran kepada pihak pengurusan kanan PBAPP yang akan mengambil tindakan sekiranya catuan air berlaku.

Langkah-langkah ini membolehkan Negeri Pulau Pinang mengatasi masalah perubahan cuaca yang menyebabkan musim kemarau yang panjang dengan rizab air yang mencukupi dan sumber bekalan air yang lain. Malah rizab air di Pulau Pinang adalah tertinggi di Malaysia sebanyak 31%. Sungguhpun Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang digelar *water stressed state* tetapi ia merupakan negeri tunggal di Malaysia yang tidak pernah mengalami catuan air. Masalah perubahan cuaca juga menyebabkan musim hujan yang lebih pendek tetapi hujan turun lebih lebat. Ini menyebabkan aliran permukaan air bergerak lebih cepat kerana tidak sempat diresapi ke dalam tanah. Hujan yang amat lebat ini menyebabkan banjir berlaku merata-rata termasuk dalam kawasan yang tiada pembangunan atau yang tidak pernah mengalami banjir.

Kerajaan Negeri amat prihatin dan peka kepada rakyat yang terlibat dengan banjir di Negeri ini, seperti mana yang telah berlaku pada akhir Oktober dan awal November baru-baru ini. Lazimnya terdapat dua jenis banjir yang akan berlaku di kebanyakan kawasan bandar iaitu banjir besar sungai sehingga melibatkan limpahan sungai yang ketara dan banjir kilat. Banjir besar sungai atau limpahan sungai berlaku apabila sungai menerima jumlah air hujan lebat yang luar biasa sehingga berlaku limpahan dan mustahil untuk air dari longkang mengalir. Ini berlaku seperti di Sungai Pinang bila hujan lebat turun sepanjang tiga (3) hari berturut-turut sebanyak 300 mm menyebabkan banjir besar berlaku, termasuk di tempat yang tidak pernah banjir. Oleh kerana banjir besar sungai ini, ia memerlukan Rancangan Tebatan Banjir berskala besar atau mega. Itulah sebabnya Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang memakan kos perbelanjaan sebanyak RM350 juta.

Sungguhpun Kerajaan Persekutuan hanya luluskan RM150 juta, Kerajaan Negeri mengalukannya dan akan terus meminta baki RM200 juta untuk melengkapkan RTB Sungai Pinang. Kerajaan Negeri yakin sekiranya RTB Sungai Pinang dapat disempurnakan dengan lengkapnya, banjir yang berlaku dalam tempoh masa tiga (3) hari mulai daripada Hari Deepavali tidak akan berulang lagi.

Banjir kilat berpunca daripada longkang, sungai atau perparitan tersumbat atau kejadian air pasang tinggi semasa hujan lebat turun dan ia berlaku di sesuatu lokaliti. Kerajaan Negeri hanya berkeupayaan membiayai projek tebatan banjir untuk menangani banjir kilat dan bukannya projek air berskala besar atau segera seperti RTB Sungai Pinang.

Saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan memperuntukkan wang yang paling besar sebanyak RM200 juta untuk pencegahan banjir kilat di seluruh Pulau Pinang. Bagi mengatasi dan mengurangkan kejadian banjir kilat, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS) telah diarah untuk menggiatkan lagi kerja-kerja pengurusan sungai, memperbaiki tebing-tebing sungai yang runtuh, menyelenggara infrastruktur saluran dan menyelaras projek-projek mitigasi banjir di seluruh negeri. Kami yakin di bawah Pengarah JPS yang bertenaga, kelemahan-kelemahan sebelum ini akan diatasi. Untuk itu Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta pada tahun 2017 kepada JPS seperti berikut:

Satu, Sungai Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM12.6 juta;

Dua, Padang Lalang/Kg. Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM19.1 juta;

Tiga, Bukit Tengah, Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM19 juta,

Empat, Taman Mangga/Jalan Juru, Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM11.5 juta;

Lima, Alma, Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM9.6 juta;

Enam, Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara berjumlah RM40 juta;

Tujuh, Sungai Relau, Bayan Baru berjumlah RM20.1 juta;

Lapan, Taman Iping, Daerah Barat Daya berjumlah RM13.6 juta dan Kampung Naran, Daerah Barat Daya berjumlah RM4.5 juta.

Kerajaan Negeri juga melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk projek pembinaan paip besar bagi mengalihkan air di Empangan Air Itam ke Empangan Teluk Bahang. Tanggapan orang ramai bahawa pelepasan air oleh PBAPP di Empangan Air Itam merupakan salah satu punca banjir adalah tidak benar sama sekali. Demi mengikis persepsi negatif bahawa PBAPP ada melepaskan air daripada Empangan Air Itam, projek paip besar akan dibina untuk mengalihkan air daripada Empangan Air Itam ke Empangan Teluk Bahang untuk memastikan kapasiti Empangan Air Itam tidak melebihi kapasiti 90%. Langkah ini juga akan menjimatkan air dalam musim kemarau kerana air yang disalurkan daripada Empangan Air Itam dapat memenuhi Empangan Teluk Bahang.

Di samping itu, bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga memperuntukkan sejumlah RM11.61 juta untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir kilat di kawasan bandar raya. Antaranya ialah menaik taraf sistem saliran di Hilir Sungai Pinang. Sistem saliran Bandar S10, Parit Lumba Kuda, lencongan Sungai Jelutong di Jalan Tengku serta Jalan Merican dan Lebih McNair. Di Seberang Perai pula, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mencadangkan projek-projek sebanyak RM9.45 juta untuk menangani isu banjir kilat di mana RM7.5 juta adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan, penyelenggaraan rumah pam sebanyak RM0.25 juta dan RM1.7 juta pula bagi projek penyelenggaraan di kawasan perindustrian.

Peruntukan berjumlah RM220 juta yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dan PBAPP untuk pembiayaan projek-projek mitigasi banjir adalah pembiayaan langsung Kerajaan Negeri, PBAPP, MBPP dan MPSP dan tidak mengambil kira peruntukan sebanyak RM150 juta yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyempurnakan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 3 kerana ini adalah projek sambungan dan bukan projek baru.

Kerajaan Negeri juga ingin mencadangkan untuk menubuhkan aplikasi penyaluran maklumat kecemasan baik untuk kesesakan lalu lintas ataupun banjir kilat yang dinamakan *Penang Alert* agar memberikan maklumat yang tepat dan cepat. Adalah diharapkan *Penang Alert* dapat berfungsi pada tahun hadapan.

PELUASAN SEKTOR TELEKOMUNIKASI

Dato' Yang di-Pertua, penggunaan rangkaian lingkungan 4G hanya berskala kecil dan tidak mampu ke arah mencapai 5G yang merupakan masa depan kepada industri 4.0 yang merangkumi *Big Data Analytic (BDA)*, *Cloud Computing*, *e-commerce* dan *Internet Of Things (IOT)*. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Inisiatif Telekomunikasi Menuju ke Arah Pulau Pinang sebagai *Smart City*. *Smart City* memberi penekanan bukan sahaja kepada aplikasi pintar tetapi juga kepada pembelajaran berterusan, pewujudan memori (*memory creation*) dan *experience retrieval* bagi menambahbaik tadbir urus.

MENAMBAHBAIK KEMUDAHAN AWAM

Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada peningkatan kualiti kemudahan awam bagi memastikan rakyat menikmati kualiti hidup yang tinggi. Kerajaan Negeri melalui MPSP akan diperuntukkan sebanyak RM11.32 juta pada tahun 2017 untuk pembayaran bil utiliti, khususnya lampu-lampu awam dan sebanyak RM1.45 juta untuk penyelenggaraan pasar-pasar awam dan kompleks makanan. Sebanyak RM500,000 juga diperuntukkan bagi pembinaan paun anjing bagi merealisasikan program anjing terbiar sifar menjelang tahun 2018 di samping memperuntukkan sejumlah RM1.07 juta bagi penyelenggaraan dan pembaikan kompleks sukan.

Kerajaan Negeri bersama-sama MPSP juga akan memperuntukkan RM3 juta untuk menaik taraf Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi bagi memberi kemudahan kepada penduduk di Seberang Perai. Bagi pelaksanaan projek-projek kemudahan OKU sebanyak RM0.15 juta akan diperuntukkan. Di bahagian Pulau pula, MBPP telah merancang pelaksanaan pelbagai projek untuk kemudahan awam dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM280 juta. Di antaranya projek adalah menaik taraf kemudahan penjaja, kompleks sukan, pasar dan balai rakyat. Bagi pelaksanaan projek-projek kemudahan OKU, MBPP juga memperuntukkan RM150,000.00 pada tahun depan.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI PENDIDIKAN

Pembangunan Modal Insan, sektor pendidikan bukan tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, namun Kerajaan Negeri memberi tumpuan yang setimpal kepada bidang pendidikan demi mempergiatkan pembangunan modal insan. Program bantuan pendidikan dengan agihan RM8.5 juta untuk sekolah-sekolah Cina/Persendirian/Mubaligh RM1.75 juta untuk Sekolah Agama Rakyat, dan RM1.75 juta untuk Sekolah Tamil akan diluluskan pada 2017. Bantuan tahunan RM1.75 juta kepada Sekolah Agama Rakyat bukan terhenti kepada jumlah ini sahaja. Sejak tahun 2009 di samping RM1.75 juta yang diberikan secara tahunan. Sebanyak RM45 juta lagi diberikan secara langsung melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang merupakan tambahan kepada RM1.75 juta setiap tahun.

Lagipun ada peruntukan tahunan untuk pembayaran pemberian tambahan ex-gratia kepada seramai 1,550 Guru KAFKA, Bantuan Khas Kewangan dan suguhati Hari Raya Aidilfitri kepada guru-guru agama, tahfiz, pondok dan TADIS dan dianggarkan melibatkan perbelanjaan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM2.14 juta pada 2017. Selain daripada itu pembangunan sebanyak RM2.15 juta diperuntukkan pada 2017 untuk tujuan membina baru dan menaik taraf Sekolah Agama Rakyat di Negeri Pulau Pinang, di mana Sekolah Agama Rakyat yang baharu dirasmikan di Guar Jering, Penanti baru-baru ini. Dan kita tidak mengambil kira tanah percuma yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Pembinaan kampus baru Kolej Universiti KDU Pulau Pinang di atas tanah seluas 43 ekar di Batu Kawan yang bernilai RM220 juta dijangka siap pada tahun 2019. Pelaburan bidang pendidikan ke Pulau Pinang ini dianggarkan dapat menjana nilai pembangunan kasar atau GDV sebanyak RM2.2 bilion. Pemajuan kampus ini yang dapat menampung kapasiti maksima seramai 5,000 orang mahasiswa yang akan menjadi universiti metropolis yang pertama di Pulau Pinang.

Ekonomi Digital, ekonomi digital kini merangkumi 16% daripada KDNK Malaysia. Sekiranya kita ingin mencapai sasaran 20% KDNK Malaysia menjelang 2020 sepertimana yang disyorkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan maka kami harus menumpukan kepada pembelajaran STEM iaitu Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik. Hasrat Pulau Pinang menjadi pusat kecemerlangan bagi Sains dan Teknologi mencerminkan dengan inisiatif berikut:

1. Penang Science Cafe yang bernilai RM20 juta untuk memberi kelas percuma kepada kanak-kanak dalam bidang sains, amali dan robotik serta kelas *coding*.
2. Penganjuran acara tahunan Pesta Sains Antarabangsa Pulau Pinang yang baru habis di SPICE pada Ahad yang lepas.
3. Pusat Pembelajaran Karpal Singh sebanyak RM6 juta untuk belajar STEM dan *coding*.
4. Tech-Dome Pulau Pinang yang bernilai RM28 juta bagi menghidupkan kembali minat dalam sains dan teknologi.

5. Perpustakaan Digital Pulau Pinang iaitu Perpustakaan Digital yang pertama di Malaysia sebanyak RM3 juta; dan yang terakhir; dan
6. Latihan Dwi-Vokasional Jerman sebanyak RM6 juta yang menawarkan Kursus *Advanced Diploma* sebanyak 42 bulan yang diiktiraf oleh Jerman, di mana pelajar dapat belajar sambil bekerja di kilang-kilang. Yuran sekolah akan dibiayari oleh Kerajaan Negeri dan mereka akan dibayar RM1,000 kerana bekerja dalam kilang. Dengan kata lain mereka diupah untuk belajar.

MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan terus memberikan tumpuan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang cergas dan mampan. Sektor pembuatan adalah dalam keadaan sihat dengan pelaburan untuk lapan (8) bulan pertama pada tahun ini adalah sebanyak RM3.77 bilion iaitu kedudukan nombor 3 di Malaysia. Nombor 1 sehingga bulan Ogos tahun ini Johor RM18 bilion, nombor 2, Selangor RM3.8 bilion hanya lebih sikit Pulau Pinang RM3.77 bilion. Pulau Pinang jelas masih menjadi pilihan pelabur-pelabur syarikat antarabangsa berjenama.

Kerajaan Negeri juga akan terus mempertingkatkan lagi bantuan dan sokongan kepada IKS di Pulau Pinang melalui 3 institusi yang sedia ada iaitu Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS Pulau Pinang (*Penang SME Market Advisory, Resource & Training-Penang SMART Centre*), Pusat IKS Pulau Pinang (*Penang SME Centre*) yang berharga RM20 juta dan Perkampungan IKS Pulau Pinang atau *Penang SME Village, Penang SME Centre* yang berharga RM20 juta menyewakan ruang kilang dengan harga di bawah pasaran untuk membantu pengusaha baharu. Kerajaan Negeri juga telah membangunkan satu lagi projek IKS yang merangkumi 27 unit perindustrian di Taman Perindustrian Bukit Minyak. Pembangunan projek ini telah siap sepenuhnya dan dalam proses mendapat *Certificate of Completion and Compliance* sehingga September 2016 sejumlah 21 unit telah dijual. Dan institusi halal Pulau Pinang memantapkan lagi kedudukan sebagai *Malaysia Best Halal Facility Provider*. Selain daripada Taman Perindustrian Halal di Bukit Minyak, kapal-kapal persiaran pelancongan seperti Costa Victoria dan Star Cruise Libra yang mendapat persijilan halal telah berlabuh di Pelabuhan Swettenham pada tahun ini.

Pelancongan. Dato' Yang di-Pertua, keadaan ekonomi yang gawat di Malaysia dapat dikurangkan dengan pertumbuhan bilangan pelancong yang pesat. Ini boleh dilihat dengan pertumbuhan bilangan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebanyak hampir 6% pada tahun ini. Ini sudah mencecah 6.6 juta penumpang yang melebihi kapasiti 6.5 juta penumpang.

Pelancongan di Pulau Pinang mungkin menyelamatkan kita menghadapi sebarang krisis ekonomi 'ala-Trump' sekiranya Pulau Pinang memberikan tumpuan kepada produk baru, acara baharu dan pengalaman yang unik untuk pelancong. Kerajaan Negeri telah membelanjakan jutaan ringgit untuk acara baru antaranya menganjurkan Pesta Pulau Pinang, *Butterworth Fringe Festival*, Seberang Perai Fiesta, Penang Agrofest, Konsert Budaya Jepun, *Festival George Town*, Pusat Belon Panas Antarabangsa Pulau Pinang dan yang terbaharu ini Pameran *German Buddy Bears* tahun ini. Kerajaan Negeri akan menganjurkan acara baharu pada tahun hadapan seperti *Penang International Food Festival* pada bulan April tahun depan dan Master Games bersama dengan Kementerian Pelancongan pada tahun 2018.

Produk baharu bertaraf antarabangsa yang akan menarik para pelancong adalah Taman Rama-Rama yang tercantik di dunia,...(*gangguan*) yang bernama Entopia yang berharga RM30 juta, pembukaan *sub-terrestrial Penang International Convention and Exhibition Centre (SPICE)* pusat pameran yang berharga RM300 juta pada tahun depan, pembaharuan Bukit Bendera dengan tarikan hijau yang berjaya menarik 1.6 juta penumpang setahun, Projek "Taman Di Atas Laut" seluas 60 ekar dalam projek tambakan laut Gurney Wharf, pemuliharaan dan pembaharuan di KOMTAR (The Top) sebanyak RM200 juta dan akhirnya Projek Taman Bertema di Pulau Jerejak.

Kini para pelancong boleh menikmati pengalaman unik di Pulau Pinang, selain daripada makanan termasuk industri pelayaran yang menarik 1.2 juta penumpang di Pelabuhan Swettenham pada tahun 2015. Pengalaman unik boleh dialami di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Penang Design Village di Batu Kawan dan juga kawasan alam hijau di Empangan Air Mengkuang yang akan siap pada pertengahan tahun hadapan dengan ukur lilit sepanjang 11km, serta industri penternakan ikan sangkar di atas laut yang terbesar di Malaysia.

Pulau Pinang juga merupakan lokasi pelancongan perubatan yang terunggul di Malaysia dengan 17 buah hospital swasta dan lebih 2,000 katil. Pulau Pinang akan menambah sebuah lagi hospital tambahan dengan 700 lagi katil yang akan diumumkan pada tahun hadapan. Pelaburan daripada luar negeri ini akan memperkasakan industri pelancongan perubatan di Pulau Pinang dan membantu usaha Pulau Pinang menjadi Bandaraya Perubatan ataupun 'Medical City'.

Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town adalah kebanggaan bukan sahaja bagi Negeri Pulau Pinang tetapi juga Malaysia. Selepas MOU ditandatangani dengan *Aga Khan Trust For Culture*, *Aga Khan Culture For Trust*, dan *Think City* daripada Khazanah Malaysia, Kerajaan Negeri menerusi George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah memulakan beberapa projek penghijauan jalan dan taman serta pemuliharaan bangunan. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM2.22 juta untuk projek penyelidikan dan dokumentasi. Di antara projek yang dirancang adalah pembinaan semula bahagian bangunan Muzium Negeri Pulau Pinang yang dihancurkan oleh pesawat Jepun dalam Perang Dunia Kedua.

MENGGOMERSIALKAN SEKTOR PERTANIAN DAN PENTERNAKAN.

Sektor pertanian, veterinar dan perikanan terus mencatatkan pertumbuhan positif di Pulau Pinang. Bagi sektor akuakultur, jumlah hasil yang dicatatkan bagi tahun 2015 adalah sebanyak 58,682 tan metrik dengan nilai RM1.114 bilion. Manakala hasil penangkapan yang dicatatkan bagi tahun 2015 adalah sebanyak 49,782 tan metrik bernilai RM484 juta, peningkatan yang ketara berbanding tahun 2014 yang mencatatkan tangkapan sebanyak 45,880 tan metrik bernilai RM463 juta iaitu peningkatan RM21 juta.

Sektor penternakan walau bagaimanapun mengalami sedikit penurunan hasil daripada RM844.10 juta pada tahun 2014 kepada RM823.11 juta pada tahun 2015 terutama bagi komoditi utama iaitu ayam dan khinzir. Secara keseluruhannya, produktiviti komoditi ayam dan khinzir telah mencapai tahap sara diri (*self sufficient*) dan memberi sumbangan ekonomi terbesar, iaitu 94.05% daripada Nilai Hasil Ternakan (NHT) utama negeri pada tahun 2015 dan akan dijangka akan berterusan pada tahun 2017.

Kerajaan Negeri juga akan membangunkan *home plot* akan dilaksanakan bagi membantu penternak mendapat sumber makanan ternakan daripada penanaman rumput yang lebih murah dan mudah untuk diuruskan sebagai alternatif daripada kebergantungan kepada makanan rumusan atau dedak. Dedak untuk binatang. Jangan makan dedak ini.

Sektor pertanian pula pada tahun 2015 telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak RM48 juta kepada sejumlah RM477 juta berbanding RM429 juta pada tahun 2014.

Di samping itu, bantuan peralatan menangkap ikan kepada nelayan-nelayan pesisir pantai juga akan diteruskan pada tahun 2017. Program ini telah memasuki tahun ke 4 pelaksanaannya dan Kerajaan Negeri setakat ini telah membelanjakan sejumlah RM2.88 juta untuk membantu meringankan beban nelayan pesisir pantai dalam meningkatkan hasil tangkapan mereka memberikan pukut pantai secara percuma dua kali setahun.

Batu Kawan Agropark Dan Permatang Pauh Agropark

Selepas kejayaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Juru, Kerajaan Negeri akan membangunkan sebidang tanah milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) di kawasan Ara Kuda, Penanti seluas 22 ekar sebagai Taman Agro Permatang Pauh (Permatang Pauh Agropark). Taman Agro baru ini akan memberi fokus kepada industri agroteknologi menggunakan sistem fertisasi dan mengkhususkan untuk tanaman komoditi berpotensi seperti cendawan, roselle dan herba.

Kerajaan Negeri juga akan terus menyumbangkan sebanyak RM250,000 kepada skim mikrokredit Tabung Usahawan Tani Muda bagi meneruskan komitmen kami untuk membantu warga tani terutamanya golongan muda untuk menjadi seorang usahawan tani yang berjaya dan berdaya saing. Sehingga tahun ini, seramai 49 orang usahawan tani muda telah mendapat manfaat daripada program mikrokredit ini yang mana setiap usahawan menerima pinjaman sebanyak RM5,000 dan hanya perlu membayar dalam tempoh dua (2) tahun tanpa sebarang faedah.

Seberang Perai Fiesta

Seberang Perai Fiesta yang julung-julung kali diadakan dari 14 September sehingga 18 September yang lalu telah berjaya menarik perhatian lebih daripada 120,000 orang pengunjung ke acara Penang Food Mega Festival, Penang Agrofest dan Tanjung Art Fest. Acara yang menampilkan lebih 1,000 jenis keunikan makanan yang disediakan oleh peniaga tempatan dan pameran pelbagai produk pertanian, veterinar dan perikanan ternyata telah berjaya mengumpul kutipan hasil melebihi RM3 juta.

Maka demi memastikan kesinambungan kejayaan Seberang Perai Fiesta, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperuntukkan sebanyak RM320,000 untuk ini bagi memastikan kejayaan penganjuran Seberang Perai Fiesta 2017 yang dijangka bakal diadakan pada bulan Ogos tahun hadapan.

Inisiatif Pulau Pinang Bebas Denggi

Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan Inisiatif Pulau Pinang Bebas Denggi atau *Dengue Free Penang* dengan peruntukan sebanyak RM100,000 akan disalurkan untuk tujuan program kesedaran dan memperkasa program COMBI (*Communication for Behavioral Impact*) di peringkat komuniti.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk melaksanakan strategi baru dalam mendepani penularan wabak denggi di negeri ini. Kami bercadang untuk membelanjakan RM400,000 untuk melaksanakan Sistem Pemantauan Dinamik Denggi/Zika menggunakan teknologi A.I atau dikenali sebagai *Artificial Intelligence Driven Dengue/Zika Dynamic Surveillance System*. Ini menggunakan teknologi paling canggih di dunia. Untuk maklumat berikutnya tanya EXCO Kesihatan.

PERUMAHAN MAMPU MILIK

Bagi memenuhi permintaan rakyat terhadap keperluan perumahan, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Program Perumahan Awam dan Mampu Milik sebanyak 26,255 unit di semua daerah Pulau Pinang termasuk skim sewa-beli yang melibatkan 155 unit di Seberang Perai Selatan. Sebagai galakan, terutamanya kepada Bumiputera untuk memiliki kediaman di tengah-tengah kawasan bandar pula, Kerajaan Negeri telah membuat pembelian sebanyak 320 unit Rumah Mampu Milik Jenis B (Kos Sederhana Rendah) di The Rise, S.P. Chelliah melalui akaun Amanah Perumahan Bumiputera Pulau Pinang sebagai inisiatif untuk memberi keselesaan kepada rakyat Bumiputera negeri ini. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM44.6 juta daripada akaun tersebut. Harga sepatutnya bagi seunit rumah termasuk tempat letak kereta adalah RM100,000 merangkumi RM72,500 untuk rumah dan RM27,500 sebagai subsidi istimewa kepada pembeli Bumiputera. Unit-unit yang dibeli oleh Kerajaan Negeri untuk pembeli Bumiputera tidak akan dilepaskan sekiranya tidak dapat dijual, sebaliknya akan disimpan bagi pembeli Bumiputera yang lain. Hasil jualan rumah ini akan diperakaunkan semula ke Akauan Amanah Perumahan Bumiputera sebagai satu tabungan tidar (*revolving fund*) supaya dapat dimanfaatkan oleh pembeli bumi projek perumahan yang lain bukan seperti dulu tidak dimasukkan.

Pada tahun ini Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim Sewa Beli sebagai satu lagi inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan memiliki rumah. Syarat kelayakan untuk skim ini sama seperti syarat kelayakan unit-unit Rumah Mampu Milik Jenis A (RMM Jenis A-perumahan kos rendah)

Kerajaan Negeri melalui PDC juga akan membina 600 unit Rumah Mampu Milik Jenis A di Ujung Batu, Bagan Dalam dan 1,200 unit rumah di Prai. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga berharap Kerajaan Persekutuan dapat menunaikan janji untuk menambahkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dirancang dibina setakat 2013, di mana daripada 20,054 unit yang dibina di seluruh negara, hanya 70 unit dibina di Pulau Pinang bersamaan 0.3% sahaja di bina di Pulau Pinang.

Bagi menyediakan kemudahan dan persekitaran tempat tinggal yang lebih selesa bagi penghuni yang mendiami Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri pada tahun 2016 telah memperuntukkan sebanyak RM12.56 juta untuk kerja-kerja menaik taraf dan menyenggara seperti penggantian kemudahan asas yang rosak dan usang, penggantian komponen paip dan tangki air, pencahayaan, kerja-kerja pendawaian dan sebagainya. Untuk meneruskan kerja-kerja naik taraf tersebut, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM12.49 juta pada tahun 2017.

PENGURUSAN ALAM SEKITAR YANG MAMPAN

YB. Dato' Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri tidak pernah membenarkan pembalakan di hutan simpan kekal di Pulau Pinang malah sehingga sekarang tidak seinci pun boleh ditebang. Malah, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan untuk penanaman 271,000 batang pokok baharu di seluruh negeri sejak tahun 2008. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM1.9 juta kepada Jabatan Perhutanan Negeri untuk melaksanakan antara lain program pengurusan sumber hutan, pemeliharaan dan perlindungan, publisiti dan pengembangan dan ini selaras dengan usaha kita menjadi negeri hijau yang pertama di Malaysia.

Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang melaksanakan "No Free Plastic Bag" setiap hari, Kempen Mengharamkan Penggunaan Polistiren dan Kempen Makan Sampai Habis bagi mengurangkan pembaziran dan jumlah sisa organik. Kejayaan dasar ini telah nampak impaknya kerana sisa organik atau sisa dapur terdiri daripada 40% sampah yang lupus di Pulau Burung.

Kita seharusnya berbangga apabila Negeri Pulau Pinang mencatatkan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia, iaitu 32% berbanding kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 10.5% dan melebihi sasaran kebangsaan yang ditetapkan menjelang tahun 2020 sebanyak 22%.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga melancarkan program perintis *Mosquito Autocidal Trap* atau MyMAT di tiga (3) lokasi *hotspot* yang dikenal pasti, iaitu Jalan Tuna di Seberang Perai Tengah, Taman Sri Damai di George Town dan Taman Sri Delima di Barat Daya. Sekiranya penggunaan MyMAT dalam tempoh enam (6) bulan ini terbukti keberkesannya dalam mengurangkan populasi nyamuk dan penurunan kes denggi, Kerajaan Negeri akan memperluaskan program ini ke seluruh Pulau Pinang. Tapi ia ada prasyarat ia mesti dalam keadaan yang hijau dan dengan kerjasama dengan semua penduduk.

NEGERI KEBAJIKAN

Kerajaan Negeri amat prihatin dengan bebanan yang ditanggung rakyat berpendapatan rendah lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Pusat melaksanakan cukai GST sebanyak 6% bermula April 2015. Berikutan itu, sebagai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat yang memahami penderitaan rakyat golongan kurang berpendapatan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah kampung/bertanah.

Pengecualian ini akan diteruskan pada tahun 2017. Pengecualian cukai ini sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan yang dapat dimanfaatkan oleh pemilik rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung adalah sebanyak RM14,093,705.78, di mana cukai pintu yang dijangka dipungut pada tahun 2017 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah RM8,058,628.78 dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebanyak RM6,035,077.00 tidak akan dikutip dan akan dijimatkan oleh pemilik rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan juga rumah kampung.

Selain daripada pengecualian cukai yang diberikan kepada pemilik-pemilik rumah kos sederhana rendah sebanyak RM14,093,705.78, Kerajaan Negeri juga terpaksa menanggung bebanan GST yang dianggarkan sebanyak RM46.2 juta setahun. Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan MBPP dan MPSP untuk menanggung beban GST bagi pihak rakyat yang menggunakan perkhidmatan MBPP dan MPSP untuk tahun 2016 sebanyak RM19.36 juta, ini yang tidak akan dibayar oleh rakyat tetapi ditanggung oleh MBPP dan MPSP. Ini juga akan diteruskan untuk tahun 2017. ini bermakna rakyat Pulau Pinang akan mendapat penjimatan sebanyak RM19.36 juta daripada tidak perlu membuat pembayaran GST bagi perkhidmatan MBPP dan MPSP.

Dengan pengecualian cukai pintu untuk pemilik rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung sebanyak RM14.09 juta dan penjimatan daripada pembayaran GST bagi pihak rakyat sebanyak RM19.36 juta, MBPP dan MPSP terpaksa menanggung kos sebanyak RM33.45 juta untuk tahun depan, iaitu RM14 juta daripada menanggung pengecualian cukai pintu untuk pemilik rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan juga rumah kampung dan RM19.36 juta daripada mengecualikan rakyat daripada membayar GST untuk perkhidmatan mereka. Tapi bukan sekadar RM33.45 juta yang akan ditanggung oleh MBPP dan MPSP, ada lagi yang mereka terpaksa menanggung.

Saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri juga akan memberikan potongan sebanyak 6% cukai pintu untuk semua hartanah lain termasuk hartanah komersil di Pulau Pinang. Potongan 6% ini akan menjimatkan pemilik di kawasan MBPP sebanyak RM11,829,732.70 dan untuk mereka di kawasan MPSP menjimatkan RM9,907,892.00.

Untuk pemilik hartanah yang bukan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung, potongan 6% cukai pintu ini secara keseluruhan akan menyebabkan pertambahan beban kewangan sebanyak RM 21.74 juta kepada MBPP dan MPSP.

Secara keseluruhannya, ehsan Kerajaan Negeri Pakatan, MBPP dan MPSP, penjimatan rakyat untuk tahun 2017 adalah sebanyak RM55.19 juta. Kerajaan Persekutuan kenakan 6% GST, kita bagi pengurangan cukai pintu 6%.

Di bawah Dasar Pembangunan Desa sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan di bawah projek khas ekonomi dengan fokus kepada projek bina rumah baru, projekbaiki rumah dan projek bantuan peralatan untuk masyarakat desa. Selain itu, sebanyak RM200,000 akan dibelanjakan untuk menganjurkan program-program modal insan demi melahirkan warga desa yang bermotivasi dan berdaya saing dan menjadikan mereka warga yang optima untuk bersama-sama membangunkan Negeri Pulau Pinang.

1.6 juta rakyat Pulau Pinang telah mendapat manfaat melalui bantuan kewangan sebanyak RM412.63 juta yang diagihkan sejak 2008 seperti RM100 kepada warga emas, ibu tunggal, suri rumah, OKU dan murid sekolah serta bayaran *one-off* RM1,000 sebagai bayaran khairat kematian, RM200 untuk anak baru lahir, pukut percuma dua (2) kali setahun kepada nelayan, RM1,000 kepada pelajar IPTA tahun pertama, bayaran tahunan RM600 kepada pemandu teksi dan RM1,200 setahun kepada penarik beca.

Saya ingin mengumumkan bahawa bayaran insentif RM600 yang diberikan kepada pemandu teksi akan dilanjutkan juga kepada pemandu bas sekolah kerana mereka juga memberikan perkhidmatan awam yang penting kepada anak-anak kita.

Bagi mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di Sabah dan Sarawak, atas permintaan ibu bapa yang terpaksa membeli tiket kapal terbang yang agak mahal, mereka akan menerima RM1,200 iaitu tambahan RM200 daripada RM1,000 yang diberikan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia.

WANITA DAN PEMBANGUNAN

Penang Women Development Corporation (PWDC) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri telah melebarkan sayapnya ke Peringkat Antarabangsa, khususnya dibawah Program *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) apabila menerima jemputan melalui *United Nation* bagi membentangkan model GRPB Pulau Pinang yang mendapat pengiktirafan. Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan tahunannya sebanyak RM1.5 juta.

PEMBANGUNAN SUKAN

Kerajaan Negeri berbangga dengan pencapaian Kontinjen Negeri Pulau Pinang dalam Sukan Malaysia, Sukan Paralimpiad dan Sukan Orang Pekak XVIII (ke-18) Sarawak 2016. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga berbangga kerana daripada lima (5) pingat yang dimenangi oleh Kontinjen Olimpik Negara, dua daripadanya disumbang oleh anak jati Pulau Pinang.

Tahniah diucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Lim Chong Wei dan Saudara Chan Peng Soon atas kemenangan Pingat Perak Olimpik. Kerajaan Negeri telah menyumbangkan RM150,000,00 kepada Yang Berbahagia Dato' Lim Chong Wei dan RM100,000 kepada Saudara Chan Peng Soon atas kemenangan Pingat Perak Olimpik.

Sebagai pengiktirafan ke atas pencapaian tersebut dan galakkan kepada atlet-atlet Pulau Pinang yang menyertai Sukan Olimpik, Sukan Malaysia, Sukan Paralimpiad dan Sukan Orang Pekak 2016, Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak RM687,625.00 sebagai insentif kepada atlet-atlet yang berjaya mengharumkan nama Negara dan Negeri.

Kerajaan juga telah menetapkan agar kadar skim insentif kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Atlet Paralimpik diseragamkan dengan kadar insentif yang ditawarkan kepada atlet-atlet Sukan Malaysia normal selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam mendokong pelaksanaan taraf kesaksamaan.

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membina sebuah Stadium Hoki yang baru di Bukit Mertajam sebagai insentif dan galakkan kepada Pasukan Hoki Lelaki yang mendapat pingat emas dalam Sukma XVIII Sarawak 2016. Saya juga difahamkan oleh YB. Menteri Belia dan Sukan bahawa tender sedang dijalankan untuk projek menaik taraf dan memperbaiki Stadium Hoki Bertam yang sudah usang dan rosak. So, berita baik untuk mereka di Kepala Batas.

Kerajaan Negeri berhasrat menaik taraf Stadium Mini Permatang Rawa di Seberang Perai Tengah yang melibatkan padang bola sepak. Selain itu, Pembinaan Kompleks Kolam Renang dan Badminton oleh MBPP di Relau sebanyak RM20 juta dijangka siap pada Tahun 2017. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk membina sebuah Kolam Renang bertaraf antarabangsa yang dilengkapi dengan platform untuk Sukan Air Terjun di Ampang Jajar, Permatang Pauh. Selain itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menubuhkan Perbadanan Pengurusan Stadium untuk menguruskan semua stadium di Pulau Pinang.

PEMBANGUNAN BELIA

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menyediakan platform untuk pembangunan belia dengan program-program pendidikan sains, sukan seperti bola sepak, sepak takraw dan bola keranjang serta peluang pekerjaan. PYDC juga menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang untuk memupuk perpaduan serta menjadi belia yang bersemangat berdikari dan berkemampuan.

MEMPERKASAKAN AGAMA ISLAM

Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan Hal Ehwal Agama Islam saban tahun bermula daripada Bajet 2009 mencecah RM50 juta setahun adalah di antara yang tertinggi. Di samping itu, mengenang jerih perih, bakti dan sumbangan pegawai masjid dan guru-guru agama, Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 lagi telah memberi insentif dan bayaran khas kewangan kepada mereka, setakat akhir tahun 2015 berjumlah kumulatif RM28.77 juta. Pada tahun lalu semasa 2016 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan sejumlah RM4.57 juta kepada pegawai masjid, guru-guru agama dan para huffaz.

Untuk tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM49.37 juta untuk Pembangunan Hal Ehwal Agama Islam termasuk pembiayaan bagi sumbangan dan bantuan khas kewangan pegawai masjid, guru-guru agama dan para huffaz.

MENGERATKAN HUBUNGAN MASYARAKAT

Peranan JKPP adalah penting bagi menjadi penghubung di antara pihak Kerajaan Negeri dengan akar umbi khususnya masyarakat kampung. Sebagai galakkan untuk mempertingkatkan prestasi Pengerusi dan Setiausaha, elaun bulanan akan dinaikkan sebanyak RM50 sebulan daripada RM650 kepada RM700 untuk Pengerusi dan RM550 kepada RM600 untuk Setiausaha JKPP. Ini akan menambahkan kos sebanyak RM352,800 kepada RM6,857,200 setahun.

PENGURUSAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

YB. Dato' Yang Dipertua,

Rang Undang-undang Perbekalan 2017 adalah untuk mendapat Kuasa Berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat perbelanjaan bekalan sebanyak RM1,327,457,200 untuk 19 Jabatan bagi tahun 2017 seperti mana perincian di Risalah Bil. 3 Tahun 2016. Selain daripada itu, peruntukan sejumlah RM27,057,500 diperlukan untuk perbelanjaan tanggungan tiga (3) Jabatan mengikut Undang-Undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Oleh itu, jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus yang dianggarkan pada Tahun 2017 ialah RM1,354,514,700.

Bagi Tahun 2017, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip berjumlah RM687,413,100 iaitu jangkaan jumlah hasil yang hampir sama dengan tahun semasa 2016. Selain daripada sumber hasil Kerajaan Negeri yang terhad serta tiada punca hasil baru, kutipan hasil daripada faedah dan perolehan daripada pelaburan juga dijangka menurun disebabkan oleh penurunan bayaran dividen dan kadar faedah simpanan tetap yang seterusnya menyumbang kepada anggaran hasil negeri yang setara untuk tahun 2017.

Jangkaan hasil negeri bagi tahun 2017 tidak meningkat, namun Kerajaan Negeri tidak mempunyai pilihan untuk mengekalkan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Negeri supaya masih sama dengan anggaran tahun 2016. Mengambil kira kepada keperluan untuk menggiatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan, menyediakan kemudahan pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun Negeri, merangsang serta menjayakan Tranformasi Ekonomi Negeri dengan matlamat keseluruhan mengutamakan kesejahteraan rakyat, maka tidak dapat tidak, telah mengakibatkan kepada pembentangan bajet defisit untuk tahun 2017.

Secara rumusan, anggaran defisit untuk Belanjawan 2017 ialah RM667.1 juta berbanding dengan anggaran defisit 2016 sebanyak RM292.13 juta. Akan tetapi, lebihan Belanjawan 2016 dijangka dapat dicatatkan untuk tahun ini. Sungguhpun dianggarkan defisit sebanyak RM292 juta tahun ini tetapi atas urus tadbir CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) yang defisit kita berjaya tukar kepada lebihan untuk tahun ini. Sama dengan anggaran Belanjawan 2015 yang juga berdefisit RM230.31 juta tetapi akhirnya juga dapat mencatatkan lebihan belanjawan sebanyak RM71.78 juta pada akhir tahun 2015. Tiap-tiap tahun masih untung masih ada lebihan belanjawan.

Kerajaan Negeri mempunyai obligasi untuk pembayaran emolumen yang telah meningkat sebanyak 6.39% kepada RM175.95 juta pada tahun 2017 berbanding dengan RM165.38 juta bagi tahun 2016 yang disebabkan oleh kenaikan pergerakan gaji tahunan, perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan yang meningkat sebanyak 1.64% kepada RM149.67 juta untuk perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, kerja-kerja pembaikan, kos bekalan dan utiliti serta bayaran kenaan GST dan peningkatan perbelanjaan perolehan Aset sebanyak 14.83% kepada RM8.44 juta untuk pembiayaan pembelian peralatan, kerja-kerja pembaikan bangunan dan kemudahan serta pembelian kenderaan bagi Jabatan-Jabatan Kerajaan. Selain daripada ketiga-tiga komponen perbelanjaan mengurus tersebut, komponen perbelanjaan mengurus yang terbesar ialah perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang meningkat sebanyak 55.27% kepada RM1,014.54 juta pada tahun 2017 berbanding dengan RM653.39 juta bagi tahun 2016. Punca peningkatan yang ketara ini adalah disebabkan peningkatan jumlah pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, iaitu pindahan sebanyak RM790 juta pada tahun 2017 berbanding pindahan RM220 juta dalam Bajet 2016. Ini adalah perlu demi menjalankan projek pembangunan. Pemberian selainnya adalah termasuk pemberian di bawah program bantuan sosial kesejahteraan rakyat yang dianggarkan RM117 juta. Perbelanjaan bagi faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang negeri berjumlah RM3.87 juta, bayaran pencen dan ganjaran berjumlah RM8 juta, tuntutan insuran dan pampasan sejumlah RM10 juta dan bayaran berjumlah RM42.11 juta kepada Badan-Badan Berkanun Negeri.

Anggaran perbelanjaan mengurus 2017 adalah berjumlah RM1,354.51 juta termasuk pindahan RM790 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Harap faham bukan semuanya mengurus kerana RM790 juta dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Sekiranya pindahan RM790 juta daripada Akaun Hasil disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan tersebut dikecualikan sebagai 'perbelanjaan', maka anggaran perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 ialah sebanyak RM564.51 juta dan masih boleh dibiayai daripada jumlah hasil yang dijangka dikutip sebanyak RM687.41 juta.

Cadangan Bajet Pembangunan Negeri bagi tahun 2017 pula berjumlah RM887,437,890 yang merupakan peningkatan sebanyak RM541.32 juta atau 156.4% jika dibandingkan dengan jumlah Bajet Pembangunan sebanyak RM346.12 juta pada tahun 2016. Peningkatan yang bertambah ini ialah bagi peruntukan kemudahan pinjaman yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebanyak RM30 juta untuk membiayai Kos Penggantian Aset dan Menaiktaraf Loji Rawatan dan Takungan Air dan RM609 juta kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk tujuan pembiayaan kos pengambilan tanah dan pembangunan infrastruktur bagi menggalakkan pembangunan yang seimbang terutamanya di kawasan Seberang Perai. Tumpuan pembangunan ini akan dapat menggerakkan ekonomi Negeri Pulau Pinang kerana Seberang Perai dikenali sebagai penggerak utama pembangunan ekonomi masa hadapan Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada kedua-dua PBAPP dan PDC juga tidak

menimbulkan risiko kewangan, memandangkan Kerajaan Negeri akan mula mendapat pulangan termasuk keuntungan pinjaman pada tahun 2018 dengan jangkaan keuntungan melebihi RM120 juta dalam tempoh lapan (8) tahun seterusnya. Mengikut nisbah perbelanjaan 2017, peruntukan pembangunan berbanding mengurus yang disediakan ialah 61.1%:38.9%.

Sekiranya perbelanjaan pembangunan sebanyak RM887.44 juta dibandingkan bersama dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM564.51 juta daripada jumlah keseluruhan Belanjawan 2017 sebanyak RM1,451.95 juta maka perbelanjaan pembangunan merupakan 61.1% daripada jumlah besar Belanjawan manakala perbelanjaan mengurus hanya sekadar 38.9%. Ini menunjukkan penekanan Kerajaan Negeri ke atas perbelanjaan Pembangunan agar memenuhi hala tuju ke arah menubuhkan Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan.

Mengambil kira bajet keseluruhan (Mengurus dan Pembangunan) yang dicadangkan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM1,451.95 juta tidak termasuk pindahan RM790 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan, dan Anggaran Hasil tahun 2017 pula sejumlah RM687.41 juta, maka ianya menyumbang kepada bajet defisit sebanyak RM667.10 juta. Bajet defisit yang ketara ini tidak berpunca daripada perbelanjaan Mengurus langsung sebanyak RM564.51 juta tetapi disebabkan oleh pindahan RM790 juta daripada Akaun Hasil disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk pembiayaan projek-projek Pembangunan yang dirancang berjumlah RM887.44 juta. Anggaran defisit atau kekurangan RM667.10 juta yang dijangka dalam Bajet 2017 akan dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri. Kerajaan Negeri menganggarkan defisit RM230.31 juta pada tahun 2015 tetapi telah mencatatkan lebih RM71.78 juta pada akhir tahun kewangan 2015 dan seterusnya menyumbang kepada rizab terkumpul berjumlah RM952.53 juta.

Sememangnya jangkaan defisit bagi tahun 2017 melonjak naik dengan mendadak sekali, walau bagaimanapun, ianya tidak akan menjejaskan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri dan semua komitmen pembiayaan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan, bantuan-bantuan sosial rakyat, pemberian serta program-program Agenda Ekonomi Saksama akan diteruskan seperti mana dijanjikan.

Dari segi perincian peruntukan Pembangunan yang disediakan untuk sembilan (9) jabatan seperti di Risalah Bil.3 Tahun 2016, Maksud Pembangunan P01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan disediakan peruntukan yang paling tinggi iaitu RM707.61 juta untuk tahun 2017. Peningkatan ketara ini berpunca daripada pertambahan peruntukan kemudahan pinjaman iaitu dari jumlah RM100 juta yang disediakan pada tahun semasa 2016 kepada pinjaman berjumlah RM639 juta untuk tahun 2017. Bagi tujuh (7) jabatan selainnya, peruntukan Pembangunan yang disediakan untuk tahun 2017 adalah hampir sama dengan peruntukan tahun 2016. Bagi Maksud Pembangunan P10 Jabatan Taman Botani pula, peruntukan 2017 yang dimohon ialah RM0.31 juta, iaitu pengurangan sebanyak RM1.63 juta daripada peruntukan tahun semasa RM1.94 juta.

Perlu disebut Agenda Ekonomi Sosial adalah satu dasar yang membolehkan Negeri Pulau Pinang membebaskan diri daripada kemiskinan tegar. Di mana setiap keluarga dijamin pendapatan bulanan sebanyak RM790 sebulan. Sekiranya mana-mana keluarga yang tidak mempunyai atau memperolehi RM790 Kerajaan Negeri akan tambah sampai cukup kepada RM790 sebulan. Contohnya sebuah keluarga mendapat RM600 sebulan, Kerajaan Negeri akan tambah RM190 tiap-tiap bulan. Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM20 juta untuk membiayai program ini.

YB. Dato' Yang di-Petua,

Mengenai bonus, sebagai penghargaan tambahan bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri bersetuju mengambil kira kenaikan harga barangan termasuk minyak petrol, minyak masak dan bahan-bahan subsidi yang lain serta meluluskan bayaran bonus akhir tahun bersamaan dengan 0.5 bulan atau $\frac{1}{2}$ bulan bayaran gaji bulanan kepada penjawat awam atau minimum RM700.00. Kerajaan Negeri juga meluluskan bayaran tambahan lagi sebanyak 0.25 bulan atau $\frac{1}{4}$ bulan gaji kepada penjawat awam yang tidak mengambil cuti sakit swasta melebihi 4 hari sehingga November 2016 serta tidak diluluskan cuti sakit tambahan di bawah Peraturan 17(a) Perintah Am Bab C sebagai insentif kehadiran kerja. Adalah diharapkan bayaran bonus ini akan meningkatkan semangat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi di tahun mendatang.

Bagi tujuan pembayaran ½ bulan gaji tersebut yang melibatkan keseluruhan 4,178 penjawat awam ianya adalah berjumlah RM4.19 juta. Manakala anggaran bagi pembayaran bonus tambahan 0.25 atau ¼ bulan gaji masih belum dapat ditentukan. Ke semua bayaran bonus akan dibayar pada bulan Disember 2016.

Di samping itu pembayaran kepada 1,502 Penyelia dan Guru KAFA, 225 Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat, 185 Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat serta 522 Guru dan Staff Sekolah Persendirian Cina sebanyak RM300.00 seorang dan RM200.00 seorang kepada seramai 279 Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIS Negeri Pulau Pinang akan diteruskan dan ini akan melibatkan tambahan perbelanjaan berjumlah RM786,000.00 kepada kumpulan ini akan juga dibayar pada Disember 2016.

Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan semua penjawat awam daripada baik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Saya juga menzahirkan penghargaan kepada YB. Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus yang banyak membantu menjayakan dasar Kerajaan Negeri. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya juga mengucapkan "Selamat Bersara" kepada Yang Berbahagia Dato' Mokhtar Mohd Jait yang bersara wajib sebagai Pegawai Kewangan Negeri. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada bekas Penasihat Undang-Undang Negeri, Yang Berbahagia Dato' Aliza Sulaiman yang telah dipindahkan ke Putrajaya. Terima kasih atas sumbangan kedua-dua Pegawai Kanan, Ahli Ex-Officio Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengucapkan selamat bertugas ditujukan kepada YB. Dato' Anas Zakie, Penasihat Undang-Undang Negeri baru ke Pulau Pinang dan juga YB. Puan Sarul Bahiyah binti Haji Abu atas lantikan beliau sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru. Beliau merupakan wanita yang kedua menjadi Pegawai Kewangan Negeri. Tentu Dato' Anas adalah lelaki yang pertama untuk satu tempoh masa yang akan datang kerana sebelum ini semuanya wanita.

Seperti mana yang telah saya jelaskan, walaupun Kerajaan Negeri membentangkan bajet defisit sebanyak RM667.1 juta untuk tahun 2017, namun komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan projek pembangunan yang mensejahterakan rakyat diteruskan dan bantuan khas kewangan yang lazimnya diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri akan juga diperuntukkan dalam tahun 2017 nanti. Adalah diharapkan sepertimana yang berlaku sejak 2008, setiap kali Belanjawan Defisit dibentangkan, tetapi Kerajaan Negeri tetap mampu mencatatkan belanjawan lebihan kerana urus tadbir CAT dan kepimpinan yang bersih. Tapi belanjawan defisit berjumlah RM667 juta ini agak mencabar.

Akhirnya, saya amat berharap kepada gandingan dan permuafakatan pemimpin serta rakyat dapat merealisasikan aspirasi ke arah negeri keusahawanan dan kebajikan serta dapat mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan kepada Negeri Pulau Pinang yang tercinta.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Usul Anggaran Pembangunan tahun 2017 daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri :

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM887,437,890 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2017 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan 3 Tahun 2016 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2017 itu.

YB. Timbalan Ketua Menteri I :

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Ahli-ahli Yang Berhormat untuk perbahasan Rang Undang-Undang Pembekalan Tahun 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2017 akan bermula pada 17 November 2016 hari Khamis jam 9.30 pagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari.